

Kandungan

4

Warga UMP disaran teruskan kecemerlangan



6

Dr. Abdulrahman
Hamid
Nourterima
Anugerah Doktor
Kehormat
Persuratan, IBC



7

NC UMP melakar
kegemilangan antara 100
Tokoh English College



- 8 4,000 banjiri Hari Terbuka UMP 2014
- 10 Pensyarah FSTI kongsi kepakaran inovasi untuk pendidikan sepanjang hayat dalam Persidangan Antarabangsa Rusia
- 11 Syarahan Umum Profesor rungkai sejarah legasi Islam di Negeri Pahang
- 12 Syarahan Umum Profesor UMP bicara tentang perkembangan teknologi data digital
- 13 Prof. Emeritus Dr. Ario kongsi kepakaran teknologi kejuruteraan pembuatan
- 14 'Around The World' pameran budaya antarabangsa
- 15 Gabungan 4 persatuan jayakan UMP Family Academic Tour untuk anak-anak staf
- 16 Penyelidikan UMP diiktiraf di Rusia
- 17 UMP raih 9 pingat dan anugerah khas dalam MTE 2014
- 18 UMP raih 11 pingat dan 2 Anugerah Khas di i-ENVEX 2014
- 19 CAIC anjur kolokium memperkasa program pengajaran dan pembelajaran
- 20 Karnival KOSISWA dapat sambutan menggalakkan jayakan program keusahawanan
- 21 UMP-NIU meterai perjanjian memperkasa program kejuruteraan teknologi bertaraf antarabangsa
- 22 UMP jalin kerjasama dengan Muscat College Oman
- 23 UMP meterai kerjasama dengan Dezhou University China
- 24 UMP terima perisian kawalan simulasi minyak dan gas
- 25 UMP dan MSSA jalin kerjasama bangunkan industri pembinaan struktur keluli
- 26 UMP - JPS meterai perjanjian persefahaman dalam bidang Kejuruteraan Sungai, Pantai dan Hidrologi
- 27 UMP jalin kerjasama dengan LYNAS dalam penyelidikan nadir bumi
- 28 AEC, CPPTS jalin kerjasama kursus pengendalian kenderaan
- 29 UMP jalin kerjasama program Pengurusan Teknologi Industri
- 30 Fakulti Teknologi Kejuruteraan jalin hubungan baik dengan FMM
- 31 Profesor Dr. Jasni terima pangkat Mejar Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela TUDM
- 32 UMP dan ECERDC rai pelajar luar bandar cemerlang akademik
- 33 NC saran pengurusan UMP gembeng tenaga pastikan universiti jadi pilihan utama
- 34 Warga UMP Sambut Maulidur Rasul 1435H
- 35 Kad Unidebit bagi kemudahan pelajar UMP dilancar
- 36 Klik-Klik Lensa
- 38 60 pelajar SMK Ubai lawat kampus UMP
- 39 Kolokium Pentadbir bincang transisi minda dan inovasi potensi
- 40 Warga UMP semarakkan budaya berselawat memuji Rasulullah SAW
- 41 159 staf dan pelajar UMP menyumbang untuk bekalan darah HTAA
- 42 YADIM dan UMP jayakan Jejak Menara
- 43 UMP dan ECERDC anjur program bantu pelajar luar bandar
- 44 UMP dan Pahang FM dekati masyarakat di Bukit Fraser
- 45 Karnival Keselamatan Kolej Kediaman 4 bantu mahasiswa UMP dalam aspek keselamatan
- 46 Karnival Mini RTC Ubai eratkan hubungan pelajar IPT dan komuniti
- 47 Mahasiswa UMP erat hubungan bersama masyarakat Pulau Tioman
- 48 Gabungan pelajar mantapkan persembahan teater 'Wali Untukku'
- 49 Majlis meraikan sukarelawan UMP dan peserta *Teach Malaysia Teach*
- 50 Mahasiswa UMP meriahkan Sambutan Tahun Baharu Cina
- 51 Konsep 1 Malaysia warnai Festival Bayu Kenyalang
- 52 Interaksi Mahasiswa *In-Smartive* bersama masyarakat Kampung Jambu Lawar
- 53 40 mahasiswa berbakti di Bukit Besi
- 54 Sekretariat mahasiswa Negeri Sembilan gigih buat persediaan bantu calon STPM
- 55 Mahasiswa *In-Smartive* bantu pelajar minat Matematik
- 56 Pemimpin pelajar dilatih untuk tingkatkan daya kepimpinan
- 57 UMP hargai jasa atlet harumkan nama universiti
- 58 UMP wakili Pahang dalam Festival Layang-Layang Sedunia
- 59 Pelantikan baharu/penyambungan jawatan giliran
- 60 Terbitan Terkini
- 62 Artikel/Rencana Pilihan

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmly Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiashah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal
haz@ump.edu.my

Muhamad Faisal Mohd Yasin
faisalm@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Nor Azazi Mamat
azazi@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my



PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-549 3184
Faks: 09-549 3199
e-Mel: safriza@ump.edu.my

Dari Meja Ketua Editor

Abd Rahman Haji Safie

Menuju Kecemerlangan, Kembali Kepada Asas

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 UMP.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnianya sekali lagi buletin *Create* dapat menemui pembaca budiman pada tahun 2014 ini. Bagi pembukai tirai tahun untuk tahun ini, warga UMP sekali lagi dititipkan dengan Amanat Naib Canselor yang menjadi rutin saban tahun supaya segala amanat yang dikongsikan oleh Naib Canselor, haruslah diambil serius oleh semua warga UMP.

Boleh dikatakan setiap keluaran *Create* ini, tidak pernah lejang memaparkan kejayaan dan kecemerlangan institusi ini. Namun, apa yang dititikberatkan dalam amanat kali ini merupakan pesanan serta hasrat Naib Canselor sendiri supaya setiap warga UMP mengukuhkan nilai-nilai teras pada peringkat awal yang telah disepakati supaya UMP terus bertapak kukuh untuk menghadapi hari-hari yang mendatang. Dengan jati diri dan menguatkan pegangan kepada nilai asas ini, walaupun UMP didepani dengan pelbagai cabaran pada masa akan datang, semua itu akan dapat diatasi dengan mudah.

Bagi keluaran untuk kali ini, memaparkan wawasan Naib Canselor untuk warga UMP dalam meneruskan agenda kecemerlangan bagi mencapai hasrat yang terkandung dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang berbaki kurang dari 24 bulan lagi. Saranan ini disampaikan oleh beliau dalam Majlis Amanat Naib Canselor 2014 yang diadakan pada 19 Februari yang lalu.

Dengan ini, ucapan tahniah juga kepada Naib Canselor yang telah melakar kegemilangan apabila dicatat antara 100 tokoh yang melakar kegemilangan oleh English College (EC) dalam buku *Maktab Sultan Abu Bakar: Sejarah dan Biografi 100 Tokoh Melakar Kegemilangan* sempena sambutan Ulang Tahun Ke-100 EC. Sesungguhnya, penghargaan yang cukup besar ini amat bermakna sekali buat warga UMP dan ini membuktikan jasa dan pengorbanan Naib Canselor di pandang tinggi bukan sahaja dalam kalangan warga UMP malahan oleh pihak luar.

Selain itu, tradisi UMP yang memang tidak pernah lejang dari mencipta nama di peringkat antarabangsa baik dari produk penyelidikannya yang diiktiraf mahupun para penyelidik yang dimiliki UMP sememangnya tidak disangkal lagi kehebatannya. Antaranya, Prof. Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour yang telah menerima Anugerah Doktor Kehormatan Persuratan, IBC dari International Biographical Centre (IBC), Cambridge, England. Tidak ketinggalan juga, seorang lagi penyelidik UMP, Dr. Ahmad Razlan Yusoff diiktiraf di Rusia apabila meraih pingat emas di Teknologi Inovasi dan Rekreasi Antarabangsa Moscow (Archimedes) yang turut mendapat perhatian juri di peringkat antarabangsa.

Untuk kali ini juga, buat julung kalinya UMP turut menganjurkan Hari Terbuka yang mendapat sambutan menggalakkan dalam dan luar UMP bagi mendapatkan maklumat pengajian yang ditawarkan oleh UMP. Sekaligus ia memperlihatkan usaha murni warga UMP yang bukan sahaja untuk terus memajukan UMP malahan sanggup meluangkan masa memberi maklumat yang berguna kepada masyarakat luar. Nilai-nilai teras yang seperti mana telah ditekankan oleh Naib Canselor sememangnya semakin kuat dipegang oleh warga UMP dalam menjalankan tugas hakiki masing-masing.

Selamat membaca, semoga UMP terus maju dan gemilang.

Abd Rahman Haji Safie

Warga UMP disaran teruskan kecemerlangan

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyeru warga universiti untuk terus membentuk kecemerlangan dengan berasaskan nilai, berfokus strategi dan berpandukan prestasi agar UMP terus menikmati pertumbuhan yang membanggakan dalam pelbagai aspek, khususnya akademik, pengantarabangsa, penyelidikan dan pengalaman kampus pelajar.

Katanya, peningkatan dan pertumbuhan signifikan dalam konteks penawaran program akademik, kerjasama serantau dan antarabangsa, enrolmen pelajar, geran penyelidikan, pencapaian penyelidikan dan perkhidmatan masyarakat merupakan testimoni kesungguhan dan ketekunan ke arah mencipta kecemerlangan ini.

"Berasaskan nilai-nilai teras, warga UMP harus memfokuskan minda dan tindakan (strategi) untuk mencipta kegemilangan dan perlu komited untuk melakukan sesuatu antaranya memastikan nilai-nilai teras UMP dihayati melalui proses pembentukan kepercayaan dan pengembangan etos organisasi dan meneruskan usaha yang gigih untuk mencapai autonomi," katanya dalam Majlis Amanat Naib Canselor UMP 2014 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 19 Februari 2014 yang lalu.

Selain itu, UMP perlu mewujudkan persekitaran yang menggalakkan persaingan

sihat, memulakan penyemakan semula falsafah, konsep, pengurusan prestasi dan menggiatkan penglibatan alumni dalam governan UMP serta memastikan UMP mempunyai kepimpinan yang transformasional di semua peringkat, termasuk kepemimpinan pelajar.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, pendekatan UMP bukan sekadar luar lazim yang berimpak tinggi, tetapi mampu untuk menukar corak permainan sedia ada (*UMP the game changer*).

"Begitu juga perlunya terhadap penglibatan pelajar dalam pembentukan strategi universiti memandangkan mereka juga bakal menjadi alumni dan hasil keluaran UMP.

"Dalam konteks Pelan Strategik UMP 2011-2015, fasa yang berbaki kurang 24 bulan mengisyaratkan dengan serius tentang keperluan untuk membuat pecutan terakhir sebelum tibanya Disember 2015 nanti dengan menekuni usaha sedia ada yang telah terbukti memberikan hasil yang dihasratkan dan mengambil inisiatif yang kreatif dan inovatif termasuk mengintervensi radikal untuk penjarangan yang lebih tepat dan mengambil tindakan luar biasa yang mengubah permainan (*unusual, game-changing actions*)," ujar beliau.

Tambah beliau, lima nilai teras yang disepakati akan terus dijadikan pegangan warganya untuk mencorak kepercayaan yang

menjadi sumber kekuatan, sumber kesatuan minda dan sumber kesatuan tindakan warganya.

Beliau mengharapkan UMP haruslah turut bersedia untuk mengharungi arus transformasi yang sedang digerakkan hasil penggabungan semula Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi menjadi Kementerian Pendidikan.





“Berasaskan nilai-nilai teras, warga UMP harus memfokuskan minda dan tindakan (strategi) untuk mencipta kegemilangan dan perlu komited untuk melakukan sesuatu antaranya memastikan nilai-nilai teras UMP dihayati melalui proses pembetulan kepercayaan dan pengembangan etos organisasi dan meneruskan usaha yang gigih untuk mencapai autonomi.”

Malahan, kajian semula yang akan dilakukan terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2008-2020 akan turut memberi kesan kepada pendekatan perencanaan universiti dalam menggubal Pelan Strategik UMP 2016-2020 malah, sedikit modifikasi mungkin turut berlaku pada Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang sedang dilaksanakan berikutan perkembangan ini.

Justeru katanya, apabila hasil kajian semula PSPTN yang dijangka siap pada bulan Jun 2014 diumumkan kelak, UMP telah berada dalam mod siap sedia untuk membuat penyesuaian dan pengubahsuaian sekiranya perlu serta disepadukan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Selain itu, tumpuan utama dalam transformasi pendidikan ini termasuklah autonomi universiti awam dengan sistem governan yang mantap dan penuh akauntabiliti, jaringan universiti dengan komuniti, kedudukan (*ranking*) IPTA, pemindahan teknologi dan agenda-agenda kritikal yang lain.


Beliau turut menekankan konteks kegemilangan universiti dengan meneladani universiti-universiti di Amerika Syarikat yang mendominasi kedudukan (*ranking*) universiti-universiti global. Di antaranya adalah Harvard University yang kerap berada di kedudukan antara yang tertinggi memandangkan kebanyakan universiti di dunia mengambil

masa bertahun-tahun ataupun berkurun untuk berada di kedudukan yang tinggi.

Namun, universiti-universiti di sana melonjak ke kedudukan yang tinggi di dunia dalam masa yang lebih singkat. Turut diberi perhatian adalah reputasi universiti yang juga mencerminkan kualiti diri alumni itu sendiri kerana mereka adalah hasil didikan dari sesebuah institusi.

Lebih 5,000 warga UMP hadir mendengar Amanat Naib Canselor UMP 2014. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato’ Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato’ Dr. Yuserrie Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.





Dr. Abdulrahman Hamid Nour terima Anugerah Doktor Kehormat Persuratan, IBC

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Madya Dr. Abdulrahman Hamid Nour telah mengharumkan nama UMP di persada antarabangsa apabila menerima anugerah Doktor Kehormat Persuratan dari International Biographical Centre (IBC), Cambridge, England.

IBC merupakan pusat yang mengumpul biografi daripada seluruh dunia bagi tujuan penerbitan buku untuk rujukan. Ditubuhkan pada tahun 1969, pusat ini menempatkan hampir dua juta individu yang terkandung dalam penerbitan biografi dari seluruh dunia yang telah menyumbangkan jasa mereka dalam bidang kepakaran masing-masing sama ada dalam bidang penyelidikan, sains, kejuruteraan, perniagaan dan sebagainya.

Penghormatan yang diberikan ini adalah hasil daripada penilaian yang dilakukan kepada setiap calon oleh Lembaga Penyelidikan dan Penasihat IBC kepada

calon-calon yang terpilih dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan layak menerima pengiktirafan pencapaian seumur hidup ini dari IBC.

Penilaian oleh IBC ini merupakan hasil dari tinjauan yang dilakukan oleh pihak IBC sewaktu Dr. Abdulrahman Hamid Nour terlibat dalam pameran British Invention Show (BIS) bertempat di London pada 23 hingga 26 Oktober 2013 yang lalu.

Menerusi pameran tersebut, beliau telah dianugerahkan Anugerah Platinum menerusi penyelidikan 'Water as an Alternatif Energy' yang berjaya menghasilkan kuasa alternatif tenaga dari sumber air dan campuran minyak yang memberi kesan penjimatan kos serta mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar.

Kajian ini dijalankan dengan kerjasama penyelidik lain iaitu Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Dr. Azhari H. Nour,

Dr. Ir. Said Nurdin dan Asdarina Yahya ini turut dianugerahkan pingat emas dalam pameran ini. Lebih menarik, kajian Profesor Madya Dr. Abdulrahman menerusi projek 'Ultrasonic Separation of Oil Emulsions' juga berjaya meraih pingat emas.

Menurut beliau, semasa menyertai pameran BIS tersebut beliau dihadiri panel penilai yang menemuramah projek penyelidikannya dan selepas tamat pameran tersebut beliau dihubungi oleh pihak IBC tentang pemilihan beliau yang tercalon untuk menerima anugerah tersebut.

"Hasil daripada penyertaan di pameran tersebut telah memberi peluang untuk menunjukkan kehebatan penyelidikan yang dipamerkan secara tidak langsung berjaya menewaskan calon-calon lain di seluruh dunia yang juga turut tercalon sebagai penerima anugerah Doktor Kehormat Persuratan, Hon-DL ini," katanya.



NC UMP melakar kegemilangan antara 100 Tokoh English College



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dicatat antara 100 tokoh yang melakar kegemilangan English College (EC) dalam buku *Maktab Sultan Abu Bakar: Sejarah dan Biografi 100 Tokoh Melakar Kegemilangan* sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-100 EC yang disambut meriah pada 21 Mac yang lalu.

Buku ini juga turut menyenaraikan Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Perdana Menteri ke-3, Tun Hussein Onn, Profesor Diraja Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Mohamed Rahmat dan tokoh korporat, Tan Sri Mohd. Ali Haji Hashim antara 100 tokoh yang dicatatkan.

Majlis pelancaran buku ini menyaksikan, Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin diiringi Pengetua MSAB, Haji Samsudin Md. Arif, Pengerusi Jawatankuasa

Induk Sambutan, Zais Mohd Akil dan Presiden Alumni *English College Ex-Students Association (ECESA)*, Profesor Dato' Dr Daing Nasir menyempurnakan Majlis Apresiasi dan Pelancaran Buku MSAB: Sejarah dan Biografi 100 Tokoh Melakar Kegemilangan.

Menurut Dato' Seri Mohamed Khaled, nama EC yang kini dikenali sebagai Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) ditubuhkan pada 21 Mac 1914 menyimpan pelbagai lipatan sejarah seiring dengan usianya. Malahan, sekolah yang berjasa ini pernah dijadikan kilang senjata pada zaman penjajahan Jepun suatu masa dahulu.

"Bermotokan '*EC Must Lead*', sekolah ini banyak melahirkan tokoh ilmuwan, korporat serta pemimpin negara. Jika di negeri Perak berbangga dengan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula Victoria Institution dan begitu juga rakyat Johor berbangga dengan institusi warisan, iaitu EC atau MSAB," katanya.


Beliau turut sama membuka kapsul masa

yang mengandungi surat amanat yang ditulis oleh Profesor Diraja Ungku Aziz untuk tatapan warga maktab setelah sekian lama ditanam di perkarangan maktab.

Dato' Seri Mohamed Khaled berbangga dengan kejayaan maktab ini yang diiktiraf sebagai 'Sekolah Kluster Kecemerlangan' sejak tahun 2009 berdasarkan pencapaian cemerlang dalam lapangan akademik, sukan dan kokurikulum.

Bersempena sambutan 100 tahun yang gemilang juga maktab turut menganjurkan pelbagai acara termasuk Forum Perdana, Sambutan Maulidur Rasul, Cabaran Berbasikal, detik 100 jam menjelang hari sambutan dan pameran.

Majlis dimeriahkan lagi dengan keberangkatan DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar ke jamuan makan malam yang turut dihiburkan dengan persembahan artis yang juga di kalangan alumni EC termasuk Ajai, Rahmat Mega dan Dato Shake.



4,000 banjiri Hari Terbuka UMP 2014

Lebih 4,000 pengunjung yang terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan setaraf serta pelajar sekolah, matrikulasi, asasi, diploma, ibu bapa dan guru hadir pada Hari Terbuka UMP 2014 bagi mendapatkan pelbagai maklumat pengajian tinggi pada 6 Mac 2014 yang lalu. Program diadakan di Dewan Kompleks Sukan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang.

Pengunjung yang hadir berpeluang mendapatkan maklumat berkenaan kemasukan, semakan syarat kemasukan program, penawaran program, semakan permohonan aplikasi atas talian serta khidmat bimbingan bagi memupuk kesedaran dalam merencana kerjaya masing-masing.

Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Yang Hormat Dato' Mohd Shohaimi Jusoh mewakili Menteri Besar Pahang. Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Menurut Menteri Besar Pahang, program yang seumpama ini sangat bermanfaat sekali kerana dapat membuka peluang kepada masyarakat awam khususnya para pelajar dapat mengetahui dengan lebih dekat berkenaan kaedah dalam menjalankan penyelidikan, melanjutkan pelajaran dalam bidang yang berkaitan dan sebagainya.

"Melalui program ini, sekolah mahupun IPT akan bertindak sebagai agensi pelaksana yang menjalankan pengajaran dan

pembelajaran secara kreatif bagi melahirkan modal insan yang inovatif. Malah, dengan adanya sistem penyampaian yang baik juga, Kerajaan Negeri Pahang melalui UMP dan IPT-IPT lain yakin dapat memberikan sumbangan yang signifikan bagi mencapai visi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa menjelang tahun 2020 nanti," katanya.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, penganjuran Hari Terbuka UMP ini membuka peluang orang ramai berkunjung ke kampus bagi melihat sendiri kemudahan pembelajaran, kehidupan dan pengalaman berada di kampus serta keunikan program akademik yang ditawarkan oleh UMP yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Pada penganjuran kali ini juga pengunjung dapat menyaksikan lebih 200 produk yang dipertandingkan hasil ciptaan dan rekaan penyelidik dan pelajar UMP dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi di Pameran Reka Cipta dan Inovasi (CITREX) anjuran Jabatan Penyelidikan dan Inovasi. Program diadakan serentak bersempena penganjuran program pada kali ini," katanya.

Program juga dimeriahkan dengan penganjuran German Day oleh pihak Pusat Akademik Jerman dan Kerjaya (GACC) dalam meninjau program akademik yang ditawarkan oleh UMP hasil kolaborasi dengan rakan strategik dari Jerman.

Majlis berakhir dengan acara penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan CITREX yang menyaksikan Profesor Madya Dr. Zularisam bin Ab. Wahid dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)

Penganjuran Hari Terbuka UMP ini membuka peluang orang ramai berkunjung ke kampus bagi melihat sendiri kemudahan pembelajaran, kehidupan dan pengalaman berada di kampus serta keunikan program akademik yang ditawarkan oleh UMP yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.



dinobatkan penerima Anugerah *Best Of The Best* bagi kategori staf dengan tajuk penyelidikan beliau, *A Dialyzer Cleaning Solution: Dialclean* berkenaan kaedah pencucian, disinfeksi dan penggunaan semula buah pinggang buatan "artificial kidney" semasa proses hemodialisis melalui penggunaan teknologi hijau yang lebih mesra alam, efektif dan murah.

Bagi pemenang *Best Of The Best Award* kategori pelajar dimenangi Yap Sook Sin dari Fakulti Sains & Teknologi Industri dengan penyelidikannya bertajuk *Get Rid of Roaches: Affordable, Effective and Natural Repellent* yang menghasilkan produk berbentuk krim dan cecair bagi menghalau lipas daripada mendekati makanan atau mana-mana tempat yang disapu dengan menggunakan produk ciptaannya itu.

Anugerah Khas (Teknologi Hijau) sumbangan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dimenangi oleh Dr. Mohd Hasbi bin Ab. Rahim dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Dalam pertandingan berkenaan, sebanyak 21 pingat emas dimenangi pelajar dan 34 penyelidik yang terdiri daripada staf pula turut memenangi pingat emas. Jumlah keseluruhan penyertaan CITREX pada tahun ini ialah 219 penyertaan.

Bersempena dengan program ini juga, pelajar berpeluang berkunjung ke makmal-makmal termasuk Makmal Berpusat, galeri dan perpustakaan serta melawat booth pameran agensi luar. Pengunjung yang hadir termasuklah dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang, Kolej Komuniti Paya Besar, Maktab Rendah Sains MARA Kuantan, SBPI Tun Abdul Razak dan SMK Sultanah Hajjah Kalsom.





Pensyarah FSTI kongsi kepakaran inovasi untuk pendidikan sepanjang hayat dalam Persidangan Antarabangsa Rusia

Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr. Mohd Rashid Ab Hamid dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) diberi penghormatan sebagai pembentang bagi sesi planeri di persidangan antarabangsa *Lifelong Education for Sustainable Development* yang berlangsung di Ogarev Mordovia State University, Rusia pada 25 April yang lalu.

Persidangan ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kementerian Ekonomi Republik Mordovia, Galina Kosova yang turut dihadiri Rektor Mordovia State University, Sergey Vdovin.

Dalam persidangan ini, Dr. Mohd Rashid membentangkan kertas kerja dengan tajuk *'Determining the innovative capabilities in Malaysia'* yang mengaitkan inovasi berasaskan nilai teras bagi kecemerlangan universiti di Malaysia.

Dr. Rashid banyak menghasilkan artikel dan penyelidikan terhadap pengukuran prestasi serta statistik dan pernah dinobatkan Anugerah Kategori

Tesis Doktor Falsafah dalam bidang Sains Matematik sempena Simposium Kebangsaan Sains Matematik kali ke-21 anjuran Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) tahun lalu.

Antara pembentang lain yang turut sama menjayakan sesi planeri adalah Yuri Aniskin dari National Research Moscow State Institute of Electronic Technology (MIET), Babkin Aleksandr dari Saint Petersburg State Polytechnical University dan Janis Zaloksnis dari University of Latvia Rusia.

Sebanyak 120 kertas kerja dibentangkan melibatkan 300 penyertaan di dalam kalangan para akademia daripada Rusia, Belarus, Serbia, Finland, Latvia dan Belgium. Penganjuran persidangan yang bertemakan pendidikan sepanjang hayat bagi pembangunan lestari ini disokong oleh pihak *European Commission (Jean Monnet Programme Grant, Lifelong Learning Program, The Education, Audiovisual and Culture Executive Agency* serta *The Commission of the European Union*.



Syaraham Umum Profesor

rungkai sejarah legasi Islam di Negeri Pahang



Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) Profesor Dr. Abd. Jalil Borham berkongsi penyelidikannya dalam menjejaki tapak terawal legasi Islam di Malaysia bersempena Majlis Syarahan Profesor bertemakan “Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang” yang berlangsung di Dewan Astaka pada 12 Mac yang lalu.

Menurut Profesor Dr. Abd. Jalil, kajiannya mengenai kedatangan Islam dan perkembangannya di Alam Melayu khususnya di negeri Pahang ini membuktikan negeri Pahang menerima kedatangan Islam di rantau ini lebih awal apabila menemui catatan di batu nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun Pecan.

“Tertera di batu nisan itu waktu Subuh, Rabi’ul Awal 419 H (1028M) berserta beberapa potongan ayat Al-Quran dan syair Arab dan sekiranya dibuat perbandingan dengan tarikh pada batu bersurat di Terengganu adalah 702H (1302M) bermakna negeri ini lebih awal menerima kedatangan Islam,” katanya yang mengatakan lokasi ini letaknya beberapa kilometer sahaja daripada kampus UMP di Pekan Pahang.

Begitu juga tentang sejarah Lubuk Pelang yang merupakan sebuah pusat pengajian yang diiktiraf Kerajaan Melayu Nusantara menunjukkan pada tahun 1640, Hamzah Fansuri telah pergi ke tempat ini yang

letaknya di Bukit Ketupat di Jerantut untuk mendalami ilmu Hakikat dan Tasawuf.

Tambah beliau, kajian pengesanan ini telah dilakukan oleh tiga individu yang dianggap penting iaitu, Zakaria Hitam, Halim Nasir dari Muzium Negara, bekas Kadi Kuantan, Haji Sulaiman Husain dan Ustaz Haji Abdul Wahab Haji Abdullah yang merupakan Nazir Sekolah-sekolah Menengah Agama Pahang.

Justeru, pihaknya akan bekerjasama dengan pihak muzium dalam memastikan fakta yang ditemui ini dapat disahkan dalam catatan sejarah.

Program syarahan umum ini dirangka setiap tahun bagi menyalurkan pengetahuan serta menemukan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat. Ianya memberi peluang kepada ahli akademik untuk berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan kepada semua dengan menyebarkanluaskannya melalui Majlis Syarahan Umum ini.

Lebih 500 tetamu hadir dalam majlis yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato’ Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato Dr. Yuserrie Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.





Syarahan Umum Profesor UMP bicara tentang perkembangan teknologi data digital

Seiring dengan perkembangan teknologi secara digital dan mengatasi permasalahan keselamatan data digital, Universiti Malaysia Pahang (UMP) tampil menganjurkan program syarahan umum Profesor bertajuk “*Watermarking: Playing Hide and Seek Around Data*” yang disampaikan Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Profesor Dr. Jasni Mohamed Zain bertempat di Dewan Astaka UMP Gambang pada 23 April yang lalu.

Menurut Profesor Dr. Jasni, keselamatan data digital merupakan satu isu yang mendapat perhatian umum sama ada dalam mahupun di luar negara memandangkan data-data yang digunakan pada masa kini disimpan dalam bentuk digital seperti audio,

video dan imej.

“Namun dengan kemudahan teknologi perisian dan disokong kreativiti yang mendalam, terdapat segelintir pihak yang telah menyalahgunakan kemudahan ini dengan membuat pengubahsuaian data yang seterusnya memberi kesan yang amat besar.

“Justeru, bagi menangani masalah ini, satu kaedah telah digunakan bagi mengenal pasti pengubahsuaian dengan menyembunyikan data asal di dalam bit data yang dikenal pasti sebagai kaedah *watermarking*,” katanya.

Baginya, kaedah ini juga dapat membantu pihak terlibat untuk mendapatkan kembali data sebenar dengan menggunakan konsep penyembunyian maklumat (*data hiding*).

Syarahan Umum Profesor ini juga

merupakan medium untuk memberi pendedahan kepada para hadirin tentang apakah *watermarking*, penggunaan dan potensinya pada masa hadapan. Perincian berkenaan teknik dan kaedah yang digunakan juga boleh diperoleh melalui buku tulisan Profesor Dr. Jasni yang bertajuk “*Digital watermarking in Medical Images*”.

Dr. Jasni mula berkhidmat sebagai pensyarah di UMP sejak tahun 2006 lagi dan turut aktif dalam menjalankan penyelidikan di dalam bidang pemprosesan imej khususnya *watermarking*. Sepanjang penglibatannya, beliau banyak memperoleh pengiktirafan dari dalam dan luar negara antaranya di *The Invention & New Product Exposition (INPEX)*, USA, Pemeran Antarabangsa Idea-Penemuan-Produk Baharu (IENA), Jerman dan sebagainya.

Majlis Syarahan Umum Profesor ini turut dihadiri lebih 500 tetamu. Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato’ Dr. Mortaza Mohamed dan Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah & Penyelidikan) Dr. Mazlina Abdul Majid.

Prof. Emeritus Dr. Ario berkongsi kepakaran teknologi kejuruteraan pembuatan



Berita dan foto oleh: MOHAMAD RUSYDI MOHAMAD YASIN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan Profesor Emeritus Dr. Ario Ohsato dari Nagaoka University of Technology, Jepun yang merupakan Profesor Pelawat bagi program Teknologi Kejuruteraan di Fakulti Teknologi pada 19 April yang lalu.

Dalam kunjungan ini, Profesor Emeritus Dr. Ario berpeluang memberikan khidmat pakar beliau bagi program Teknologi Kejuruteraan Pembuatan terutamanya berkaitan dengan silibus program dan berkongsi pengalaman dalam membincangkan pelan dan cara pengajaran serta 'Program Educational Outcome' program yang bersesuaian dengan kehendak semasa.

Menurut Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Zularisam Abd. Wahid, berkata, Profesor Emeritus Dr. Ario turut terlibat dalam proses 'vetting' bagi kertas peperiksaan akhir program Teknologi Kejuruteraan Pembuatan semester 2 bagi sesi akademik 2013/2014 yang diadakan pada 8 April lalu.

"Beliau juga banyak berkongsi idea tentang skop dan pengendalian projek dalam sesi diskusi dan bengkel berkenaan projek tahun akhir bagi pelajar fakulti ini yang dikendalikan bersama pensyarah Teknologi Kejuruteraan Pembuatan.

"Jabatan Kejuruteraan Teknologi turut menganjurkan program syarahan akademik kepada pelajar Fakulti Teknologi, khususnya dari program Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dengan tajuk "*Production and Systems: The Making of Things and The Concept of Systems*" bagi membolehkan Profesor Emeritus Dr. Ario berkongsi kepakaran beliau berkaitan teknologi kejuruteraan sistem dalam melakukan operasi pembuatan," katanya. Turut dianjurkan Syarahan Umum Akademik bertajuk "*Robotic Research*" berhubung projek pembangunan robot yang mampu digunakan untuk menyahaktif bahan letupan periuik api di medan peperangan.

Dalam memanfaatkan kunjungan ini, pihak jabatan juga mengatur kolaborasi dengan pihak industri yang terletak dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara Malaysia (NCER). Antaranya melibatkan kilang automotif Hicom-Honda dan syarikat pembuat cip gergasi, Intel Corporation. Delegasi UMP disertai seramai lima orang staf akademik dan Profesor Emeritus Dr. Ario juga berpeluang melawat kilang Burnmark Industries yang terletak di Kuala Lumpur.

Kunjungan Profesor Emeritus Dr. Ario berkongsi pengalaman pastinya mampu menyuntik semangat dalam kalangan warga universiti terutamanya dalam membangunkan program teknologi kejuruteraan pembuatan di universiti ini.





'Around The World' pameran budaya antarabangsa

Lebih 1000 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkunjung ke pameran mengelilingi dunia yang dikenali sebagai 'Around the World : Exchange Fair' anjuran AIESEC UMP dengan kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad) dan AIESEC Malaysia.

AIESEC merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang terdiri dalam kalangan generasi muda termasuk pelajar universiti dalam membangunkan bakat kepimpinan melalui pengalaman dan sehingga kini organisasi ini mempunyai lebih 86 ribu keahlian melibatkan 124 negara dari seluruh dunia.

Menurut Presiden AIESEC UMP Sue Qi Jian, program julung kalinya diadakan di universiti ini berjaya mencapai sasaran dengan menarik lebih ramai pelajar untuk menyaksikan sendiri kepelbagaian budaya melibatkan sembilan negara iaitu Vietnam, Cambodia, Indonesia, India, Germany, Egypt, Pakistan, Sri Lanka, Korea, Australia dan Malaysia.

"Dalam program ini, pelajar berpeluang mengetahui latar belakang sesebuah negara, bahasa, adat dan kebudayaan sesebuah negara itu. Lebih menarik, penganjuran ini mendapat sokongan daripada Kelab Kebudayaan UMP.

"Antara yang mengambil bahagian adalah Japanese Language Professional Club (JANPU), Chinese Cultural Council (CCC), Malay Cultural Council (JKM), Indian Cultural Council (JKI), SMASS,

Espansyol Malaysia (ESPANSIA)," katanya dalam majlis yang perasmian yang berlangsung di Dewan Astaka UMP pada 15 Mac 2014 yang lalu.

Menurut beliau, AIESEC UMP ditubuhkan sejak tiga tahun lalu aktif menjalankan aktiviti dan menjalinkan hubungan kerjasama yang baik dengan AIESEC Malaysia. Penganjuran ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar untuk meningkatkan pengetahuan dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan di gerai pameran.

Sementara itu, pelajar Fakulti Teknologi, Nurul Fazirah Md. Naser yang merupakan Junior Eksekutif Program Pembangunan Komuniti Antarabangsa (oGCDP) AIESEC UMP berkata, penglibatannya dalam AIESEC ini memberi peluang kepadanya untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi, mengenali kebudayaan sesebuah negara serta berpeluang mengenali lebih ramai orang daripada pelbagai negara.

Majlis dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Duta Laos, HE Khamphan Anlavan, Pegawai Kaunselor Kedutaan Laos Phongsamouth Anlavan dan Alexander Gulko dan Alena Belozertseva yang mewakili Kedutaan Rusia.

Dalam majlis ini, delegasi ini turut berpeluang beramah mesra dengan pelajar dengan melawat gerai pameran serta menyertai aktiviti sepanjang program berlangsung.





Gabungan 4 persatuan jayakan *UMP Family Academic Tour* untuk anak-anak staf

Dalam memanfaatkan cuti persekolahan baru-baru ini, seramai 129 anak-anak staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berumur dari tujuh hingga 18 tahun menyertai program *UMP Family Academic Tour* bagi memberi pendedahan kepada anak-anak staf mengenai persekitaran pembelajaran di menara gading.

Program sehari anjuran bersama Persatuan Staf Akademik UMP (PAKAD) ini mendapat kerjasama daripada Persatuan Kesatuan Kakitangan Sokongan UMP (KESUMP), Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UMP (PPTI), Badan Kebajikan dan Sukan Staf UMP (BKSU) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) telah diadakan pada 23 Mac yang lalu.

Presiden Persatuan Staf Akademik UMP (PAKAD) yang juga pengarah program, Dr. Adzhar Kamaludin berkata, program bertujuan untuk memberi peluang kepada anak-anak staf UMP untuk mengetahui bidang-bidang utama di universiti ini dan melihat sendiri kemudahan dan kelengkapan makmal di fakulti.

"Jika selama ini anak-anak hanya mengetahui ibu atau bapa mereka

berkhidmat di sini, maka pada kali ini mereka berpeluang sendiri untuk masuk melihat dan memahami suasana pembelajaran dan persekitaran universiti ini. Pada kebiasaannya, UMP hanya menerima para pelajar sekolah dari seluruh negara namun pada kali ini peluang turut diberikan kepada anak-anak staf untuk memupuk minat mereka dalam bidang teknologi dan kejuruteraan," katanya.

Beliau berbangga dengan komitmen empat persatuan di universiti ini yang sama-sama berganding bahu dalam menjayakan program ini dan mengharapkan program ini akan memberikan suntikan semangat kepada anak-anak untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Menurut seorang peserta program, Nur Najwa Atirah Norazmi, 8, berkata, pengalaman cuti sekolah kali ini amat bermakna apabila berpeluang meneroka dan menimba ilmu pengetahuan baharu. Walaupun ibunya telah bekerja di UMP hampir 10 tahun namun ini merupakan peluang pertamanya berpeluang melawat makmal, fakulti dan sekitar universiti.

Beliau yang amat teruja dalam program lawatan ini berkata, lokasi yang

paling seronok dikunjungi adalah Makmal Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) kerana penerangan dan peralatan komputer yang terdapat di makmal seperti perisian *Tell Me More* amat menyeronokkan.

Manakala bagi Muhammad Al Hazree Abd. Latip, 7, berbangga kerana walaupun pernah berkunjung ke pejabat ibu dan bapanya yang bekerja di UMP, namun kehadirannya kali ini memberikan lebih banyak pengalaman.

Lokasi yang paling diminati adalah di Galeri UMP yang menyimpan sejarah dan gambar-gambar yang menarik sejak universiti ini ditubuhkan. Malahan beliau turut menyimpan hasrat untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh agar impiannya untuk melanjutkan pengajian di universiti ini akan tercapai suatu masa nanti.

Dalam program ini, anak-anak berkesempatan melawat lima makmal iaitu Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan Galeri UMP.



Penyelidikan UMP diiktiraf di Rusia

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi mengharumkan nama universiti di persada antarabangsa apabila meraih meraih pingat emas dalam pertandingan projek penyelidikan dan pameran Teknologi Inovasi dan Rekacipta Antarabangsa Moscow (Archimedes) ke-17 di Pusat Konvensyen dan Pameran Sokolniki di Moscow, Rusia pada 4 April yang lalu.

Projek penyelidikan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr. Ahmad Razlan Yusoff iaitu *Process Damping: An Alternative Method for Titanium Machining* memperoleh pingat emas dan hadiah khas daripada Association of Polish Inventors and Rationalizers Poland. Penyelidikan ini dapat meningkatkan produktiviti kerja apabila ia berjaya mengurangkan getaran haba bagi tujuan pemotongan logam titanium yang lebih sukar untuk dipotong berbanding logam biasa.

Selain itu, projek Dr. Ahmad Razlan juga dianugerahkan dengan pingat perak khas atas usaha dan teknologi penggunaan titanium yang memberangsangkan dan mendapat perhatian panel juri dan pengunjung di Moscow.

Satu lagi projek penyelidikan iaitu *Recycle Spent Battery Storage Supercapacitor* yang dihasilkan oleh Dr. Chong Kwok Feng dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) yang juga turut merangkul pingat emas dalam

pameran ini. Penyelidikan ini berkenaan hasil kitar semula bateri yang terpakai untuk dijadikan sebagai satu tempat pengumpulan tenaga baharu yang dikenali sebagai *supercapacitor*.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan kejayaan para penyelidik dalam menghasilkan penyelidikan yang mampu bersaing dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pameran antarabangsa Archimedes yang dianjurkan buat kali ke-17 ini merupakan antara pameran penyelidikan terbesar yang diadakan di bandaraya Moscow. Lebih 900 produk daripada 20 negara menyertai pameran yang antaranya termasuklah Kanada, Croatia, Taiwan, Korea, Poland, Qatar, Romania, Bahrin, Britain, Slovenia dan beberapa negara Afrika lain.





UMP raih 9 pingat dan anugerah khas dalam MTE 2014

Berita dan Foto Oleh: ZURYATY ZOL

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraih kejayaan cemerlang apabila meraih lima pingat emas, dua perak dan dua gangsa pada pameran Malaysia Technology Expo 2014 (MTE) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 24 Februari 2014 yang lalu.

Kejayaan itu lebih bermakna apabila pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Dr. Gurumurthy Hedge menerima pingat emas dan Anugerah Best Award menerusi produk *Environmental Friendly, Non-Hazardous, Biocomposite Mixtures For Future Generation Plastic Displays*.

Dalam penyelidikannya, beliau menghasilkan paparan (*display*) yang mengaplikasikan penggunaan plastik dengan menggunakan kaedah campuran biokomposit yang mesra alam dan lebih menjimatkan kos.

Selain itu, turut menerima pingat emas

Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dengan penyelidikan *PzR-tReduce – Minimizing Test Case Redundancies* dan Profesor Madya Dr. Noraziah Ahmad, *Preserving Data Imputation Consistency Of Distributed Database Using BVAGQ-AR Replication System*. Kedua-duanya dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Manakala dua pingat emas lagi diraih oleh Profesor Dr. Abd Jalil Borham, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan hasil penyelidikan *e-Majalah: Shariah Compliance Application (SCA) for Islamic finance Institution* dan Profesor Madya Dr. Arun Gupta, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan hasil penyelidikan *Innovative Natural Rubber Latex Based Bio Adhesive for Wood Composite Industry*.

Pingat perak pula diraih menerusi produk *Novel Immobilized Bioreactor for Hydrogen Production and Treatment of High Strenght Wastewater* hasil penyelidikan Dr. Lakhveer Singh dan produk *Syngas Production From Glycerol Via Dry Reforming Technology* dengan hasil penyelidikan oleh Dr. Cheng Chin Kui.

Manakala pingat gangsa pula disumbangkan oleh Dr. Mazlina Abdul Majid melalui produk *Electronic Malaysia Sign Language (e-MySL)* dan Dr. Ahmad Razlan Yusoff menerusi projek *S-Coffee Maker*.

Dalam pertandingan yang sama, *booth*

UMP juga berjaya memikat hati juri apabila menerima anugerah *The Most Creative Booth* pada pameran MTE berkenaan.





UMP raih 11 pingat dan 2 Anugerah Khas di i-ENVEX 2014

Berita dan foto oleh: ABD. RAHMAN AHMAD

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengharumkan nama universiti apabila meraih lima pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa dalam pameran produk penyelidikan dalam Pameran Antarabangsa Reka Cipta dan Inovasi kali ke-5 (i-ENVEX) yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kampus Pauh pada 13 April 2014 yang lalu.

Lebih membanggakan UMP turut

dianugerahkan dua anugerah khas apabila pelajar dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FISTI), iaitu Yap Sook Sin meraih pingat emas menerusi projek bertajuk "Get Rid of Roaches: Affordable, Effective and Natural Repellent" yang menghasilkan semburan dan krem dari campuran minyak halia dan minyak selasih bagi menghalang kehadiran lipas.

Selain menang pingat emas, projek penyelidikan ini turut memikat hati juri apabila diiktiraf menerima anugerah khas *International Warsaw Invention Show Special Award, Poland*.

Begitu juga dengan Alicia Ng Yit Hui yang merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang berjaya memenangi pingat emas menerusi projek "Eco-friendly Bioadhesive using Soy Isolate and Lignin for Wood Composite Industry" yang menjalankan kajian pelekat menggunakan protein soya isolate dan lignin.

Menurut Alicia, kajian ini dapat menggantikan pelekat *formaldehid* berasaskan dari komposit industri kayu. "Pelepasan *formaldehid* boleh menyebabkan kanser dan kajian mendapati kos yang dihasilkan agak murah dan mampu meningkatkan hasil eksport negara Malaysia," katanya.

Beliau turut memenangi MOSTI Grand Prize Award serta membawa pulang wang tunai bernilai dua ribu ringgit.

Manakala tiga mahasiswa yang menerima pingat emas termasuklah Nisyanthia A/P

Puspakaran dari FKKSA dengan projek "Influence of Solvent Polarity and Temperature On Stability of Phenolic Compounds from *Orthosiphon Stamineus*", Essam A. Makky dan Mehdi Qasin Zayer dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FISTI) dengan tajuk "Productions Nanostructureds Layers of Photonic Devices".

UMP turut membawa pulang tiga pingat perak hasil penyelidikan Nurul Asmawati Roslan dan Chan Kar Min dari FKKSA serta Mohamad Afiq Abdullah dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP).

Pemenang pingat gangsa adalah Keshwan Raj A/L Chandra dan Noor Adilah Md Salehan(FKKSA) serta Syifak Izhar Hisham (FSKPP).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melahirkan perasaan bangga dengan pencapaian mahasiswa yang terus mencipta kejayaan dalam bidang penyelidikan dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Katanya, usaha ini dapat meningkatkan budaya inovasi dan reka cipta dalam kalangan mahasiswa lain terutamanya mahasiswa tahun akhir.

Pameran i-ENVEX dianjurkan Kelab Penyelidik Muda UniMap (EYRec) dengan disertai lebih 20 buah negara dan 400 hasil produk penyelidikan. Pertandingan bertujuan melahirkan penyelidik muda yang kreatif dan berinovasi dalam kalangan mahasiswa universiti serta pelajar sekolah seluruh negara.



CAIC anjur kolokium memperkasa program pengajaran dan pembelajaran

Seramai 180 dalam kalangan tenaga akademik dan pensyarah dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan institut pengajian tinggi hadir menyertai Kolokium Pengajaran dan Pembelajaran 2014 bertemakan 'Innovation Towards Creative Pedagogy' anjuran Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (CAIC) universiti ini.

Program dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed bertempat di Dewan Astaka UMP. Hadir sama dalam program, Pengarah CAIC, Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin dan Timbalan Pengarah CAIC, Dr. Zailin Shah Yusoff pada 9 April yang lalu.

Menurut Profesor Dato' Dr. Mortaza dalam ucapannya berkata, program ini merupakan platform terhadap para pendidik untuk berkongsi pengalaman dengan pendidik lain mengenai teknik mengajar yang lebih berkesan terutamanya di universiti ini.

Ujarnya, melalui perkongsian ilmu ini secara tidak langsung dapat menghasilkan graduan yang cemerlang melalui teknik pengajaran yang berkesan selain mengharapkan para pensyarah dapat menfokuskan sekurang-kurangnya 60 peratus kepada pengajaran dan pembelajaran manakala 40 peratus diberikan untuk tugasan penyelidikan.

"Pendidik seharusnya menerokai kaedah terkini dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk persiapan berdepan dengan cabaran bidang teknologi maklumat (ICT)

untuk memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran ini terus diperkasa," katanya yang mengharapkan golongan pendidik menerokai kaedah-kaedah terkini termasuk e-Pembelajaran yang turut diperkenalkan di Malaysia.

Antara penceramah yang hadir berkongsi pengalaman adalah Pengarah Pusat Kecemerlangan Akademik dan Penasihatan Pelajar (DCAE) dari Universiti Sains Malaysia (USIM) iaitu Profesor Dr. Abd Karim Alias.

Beliau yang berkepakaran dalam bidang teknologi makanan banyak menggunakan internet sebagai medium alternatif dalam program pengajaran dan pembelajarannya. Profesor Dr. Abd Karim kini mengetuai pembangunan projek *Open Educational Resources* (OER) dan berjaya menghasilkan lebih 20 perisian berkaitan.

Antara pensyarah UMP yang turut sama hadir berkongsi kepakaran adalah Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple dari Fakulti Teknologi, Dr. Adzhar Kamaludin dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Ahmad Irfan Ikmal Hisham serta Guru Bahasa, Marziah Ramli yang pernah menerima pengiktirafan Anugerah Akademik Universiti (AAU) atas pencapaian cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran.

Peserta yang merupakan pensyarah subjek Fizik dari Kolej Martikulasi Gambang, Nor Ezah Jamaluddin yang julung kali berpeluang menghadiri program ini

berkata, beliau lebih banyak mengetahui teknik pengajaran yang berkesan daripada pensyarah yang berpengalaman.

Beliau juga mengharapkan lebih banyak masa dapat diperuntukkan untuk program perkongsian ilmu ini dan antara yang menarik termasuklah penggunaan Web 2.0 dalam pengajaran yang dapat menarik minat pelajar untuk pengajaran yang lebih berkesan.

Program ini merupakan platform terhadap para pendidik untuk berkongsi pengalaman dengan pendidik lain mengenai teknik mengajar yang lebih berkesan terutamanya di universiti ini.



Karnival KOSISWA dapat sambutan menggalakkan jayakan program keusahawanan

Pusat Keusahawanan UMP dan Koperasi Siswa Universiti Malaysia Pahang Berhad menganjurkan Karnival KOSISWA 2014 dalam usaha menjayakan agenda pembudayaan semangat niaga dan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa universiti.

Majlis menyaksikan Dato' Haji Shahiruddin Abdul Moin selaku Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang merasmikan Karnival KOSISWA 2014 di Dewan Tun Fatimah di UMP Gambang pada 25 Februari 2014 yang lalu.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang, Mohamad Zawawi Mahmud, Timbalan Pengarah Pusat Keusahawanan UMP, Datin Hajah Mazita Mokhtar, Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim dan Pengarah Karnival Koperasi Siswa UMP 2014, Muhamad Hanif Rafie.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, program ini adalah salah satu medium dalam memperkenalkan kewujudan Koperasi Siswa UMP. Ianya juga dapat mempromosikan koperasi ini kepada seluruh warga universiti dan masyarakat dan menggalakkan mahasiswa berniaga serta menjalankan aktiviti keusahawanan.

"Sehingga kini, terdapat lebih 150 koperasi di institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Walaubagaimanapun, jumlah itu masih boleh dianggap kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan IPT yang beroperasi di seluruh negara iaitu lebih 600 buah.

"Dalam konteks ini, pihak pengurusan

UMP mengambil serius saranan Kerajaan mengenai kepentingan gerakan koperasi sebagai antara penjana utama ekonomi yang membolehkan Malaysia berdaya saing untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

Selain itu katanya, Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang kini sedang rancak dilaksanakan turut mengenal pasti Kelestarian Kewangan sebagai salah satu daripada empat Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Universiti ini.

Tambah beliau, penubuhan Koperasi Siswa UMP adalah antara inisiatif yang dilihat menambah nilai kepada KRA Kelestarian Kewangan yang berpotensi untuk dikembangkan terhadap agenda-agenda tambahan yang berkaitan pada masa hadapan.

Dengan pembudayaan urus tadbir koperasi yang berteraskan akauntabiliti dan ketelusan, Koperasi Siswa UMP dilihat aktif dalam memberi pendedahan dan latihan berkaitan pengurusan perniagaan kepada para pelajar sebagai kerjaya alternatif setelah tamat pengajian kelak.

Dalam majlis ini juga, Dato' Haji Shahiruddin menyampaikan cek bernilai 10 ribu ringgit sumbangan daripada Kerajaan Negeri Pahang dalam membantu merencanakan aktiviti keusahawanan dalam kalangan mahasiswa UMP.

Karnival KOSISWA yang berlangsung selama seminggu di UMP kampus Gambang akan diteruskan penganjurannya di UMP Pekan selama seminggu dengan pelbagai jualan termasuk makanan, pakaian dan lain-lain.



UMP-NIU meterai perjanjian memperkasa program kejuruteraan teknologi bertaraf antarabangsa

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus memperkasa program akademiknya apabila memeterai satu lagi memorandum perjanjian projek melibatkan UMP dan Northern Illinois University (NIU). Program yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP Kampus Gambang pada 11 Februari 2014 yang lalu.

Majlis menyaksikan pertukaran dokumen memabitkan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dengan Penolong Dekan (Program Prasiswazah), Kolej Kejuruteraan dan Kejuruteraan Teknologi, NIU, Dr. Omar Ghayeb.

Hadir sama Profesor Dr. Cliff Mirman dari Jabatan Teknologi, Kolej Kejuruteraan dan Kejuruteraan Teknologi, NIU, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato Dr. Mortaza Mohamed dan Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Zularisam Ab. Wahid.

Menerusi perjanjian ini, UMP dan rakan strategik NIU akan bekerjasama dalam memastikan tiga program kejuruteraan teknologi iaitu program ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga & Persekitaran), Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dan Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan) menepati standard antarabangsa dan diiktiraf Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET) di Amerika Syarikat.

Menurut Dr. Daing, UMP dan NIU telah menjalinkan hubungan dengan

menandatangani memorandum persefahaman (MoU) sejak tiga tahun lalu dalam membentuk program kejuruteraan teknologi di UMP.

"Program ini mula ditawarkan pada sesi akademik semester 2012/2013 dan sehingga kini seramai 162 pelajar sedang mengikuti pengajian setakat ini," katanya.

Tambah beliau, Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) perlu menghasilkan 60 hingga 70 peratus jurutera (Practical-Oriented) dan UMP sebagai universiti teknikal yang sedang berkembang bakal melahirkan jurutera profesional yang berkualiti melalui penawaran program kejuruteraan yang cenderung praktikal (*practical-based*) serta mendapat pengiktirafan badan profesional.

Bagi mencapai hasrat ini, UMP memainkan peranan dengan menawarkan program teknologi kejuruteraan baharu berteraskan kepada '*Practical-Oriented*' untuk menghasilkan jurutera praktikal atau teknologis.

Sementara itu, Dr. Omar Ghayeb berkata, pemahaman terhadap profesion jurutera dan ahli teknologis adalah berbeza di Amerika Syarikat memandangkan golongan jurutera lebih banyak menggunakan teori dalam membuat reka bentuk berbanding pakar teknologis yang lebih praktikal atau operasi berbanding teori.

Pada masa yang sama kunjungan pihak

NIU pada kali ini turut menjayakan beberapa sesi perbincangan dan bengkel dalam melaksanakan program berbentuk dwijajazah yang bakal dilaksanakan kelak.

Selain itu, kerjasama ini juga dimanfaatkan apabila dua orang pensyarah UMP kini sedang menyambung pengajian di universiti itu.

UMP dan rakan strategik NIU akan bekerjasama dalam memastikan tiga program kejuruteraan teknologi iaitu program ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga & Persekitaran), Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dan Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan) menepati standard antarabangsa dan diiktiraf Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET) di Amerika Syarikat.



UMP jalin kerjasama dengan Muscat College Oman

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Muscat College Oman (MC) dalam memperkasa bidang akademik dan pembangunan penyelidikan yang bakal memanfaatkan kedua-dua institusi pengajian tinggi ini.

Acara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dibuat antara Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Presiden MC, Dr. Ahmed Abdullah Al-Ghazali berlangsung sempena kunjungan rasmi Profesor Dato' Dr. Daing Nasir melawat MC di Oman pada 13 April 2014 yang lalu.

Kunjungan yang disambut Naib Canselor MC, Profesor Dr. Haider Ali Al-Lawati turut disertai Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF) UMP, Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdulbari.

Profesor Madya Dr. Hayder berkata, usaha sama ini bermula lanjutan daripada pertemuan dengan Profesor Dr. Haider Ali yang berkunjung ke Malaysia tidak lama dahulu dan menyatakan

hasrat pihak MC yang berminat untuk menjalinkan kalaborasi dengan UMP.

"Antara yang dibincangkan termasuk program kerjasama dalam bidang berkaitan kejuruteraan awam, sains, pentadbiran perniagaan dan sistem komputer. Pihak MC juga bakal berkunjung ke UMP bagi membincangkan program akademik di samping melihat kemudahan makmal dan fasiliti di universiti ini," katanya.

Dr. Ahmed Abdullah berkata, MC yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran dan pembelajaran ditubuhkan pada tahun 1996 sebagai IPT swasta yang dikelolakan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Oman.

MC juga turut mendapat kerjasama baik dengan University of Stirling serta jaminan kualiti akademiknya diiktiraf oleh The Scottish Qualification Authority (SQA) United Kingdom.

Selain menjalinkan hubungan kerjasama dalam program akademik dan penyelidikan, usaha sama ini juga akan dipluas dengan meneroka peluang baharu untuk jalinan antarabangsa ini.



UMP meterai kerjasama dengan Dezhou University China

Oleh: NOR ASHIKIN SULAIMAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus memperkasakan hubungan dengan negara China apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Dezhou University merangkumi kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Majlis menyaksikan acara menandatangani MoU disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed dan Timbalan Presiden Dezhou University, Profesor Ji Quiqi.

Hadir sama Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Menurut Dato' Dr. Mortaza, kerjasama melibatkan program pertukaran pelajar, program mobiliti pelajar 'Inbound dan Outbound' serta penempatan staf di kedua-dua buah universiti ini.

"Melalui pelaksanaan program ini, ianya secara tidak langsung memperkayakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran staf dan pelajar serta bertukar budaya dan pembangunan akademik," katanya semasa menyampaikan ucapan mengalu-alukan kunjungan delegasi dari negara China pada

15 Februari 2014 yang lalu.

Beliau berharap agar hubungan kerjasama yang terjalin di antara UMP dan Dezhou University dapat dikembangkan melalui lebih banyak aktiviti perkongsian ilmu dan kepakaran bagi memberi nilai tambah kepada kedua-dua buah universiti termasuklah Profesor Pelawat, Sabatikal dan Post-Doctoral.

Delegasi turut disertai Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pengajaran, Li Yong Ping, Pengarah Kolej Pengurusan Informasi, Li Li, Timbalan Pengarah Pejabat Pertukaran dan Kerjasama

Antarabangsa, Gao Li, Timbalan Pengarah Kolej Pengurusan Informasi, Ding Yi dan Chen Yudong

Sementara itu, pihak Dezhou University turut melahirkan hasrat untuk membangunkan Program Dwi-Ijazah (2+2) di antara UMP dan Dezhou University.

Antara bidang yang telah dikenal pasti adalah Pengurusan Maklumat, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan serta Kejuruteraan Awam. Delegasi turut berpeluang melawat Makmal Berpusat UMP dan Galeri UMP.



UMP terima perisian kawalan simulasi minyak dan gas

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima perisian bagi Proses Kawalan Simulasi bernilai RM 150 ribu daripada pihak Syarikat Didaktik Engineering Werks untuk kegunaan makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) di universiti ini.

Serahan disampaikan Pengarah Urusannya, Mohamed Nizam Hanafiah kepada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam majlis penyerahan perisian itu yang berlangsung di Dewan Tun Fatimah, UMP kampus Gambang pada 5 Februari yang lalu.

"Perisian komputer ini bakal meningkatkan keupayaan fasiliti pengajaran dan pembelajaran serta membolehkan Pusat Kawalan Simulasi di Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli ini beroperasi untuk kemudahan penyelidikan.

"Pihak UMP sangat mengalu-alukan kerjasama yang dimeterai sejak dua tahun lalu untuk memberi faedah kepada ramai pihak, terutamanya mahasiswa UMP dan pihak industri memandangkan aplikasi perisian ini digunakan secara meluas oleh banyak syarikat di dalam industri gas dan minyak di Malaysia," katanya semasa menyampaikan ucapan aluan menyambut delegasi dari industri.

Beliau berkata, kerjasama antara UMP dengan pihak Didaktik Engineering Werks

dilihat mempunyai prospek yang besar dan luas untuk terus diteroka. Malah, kesediaan syarikat ini dalam pengambilan mahasiswa dan staf UMP untuk menjalani latihan industri dan program sangkutan (*attachment*) juga amat dihargai.

Bagi Mohamed Nizam, pihaknya berpuas hati dengan kemampuan mahasiswa UMP dalam menjalani latihan industri dan ada dalam kalangan mereka ditawarkan penempatan sebagai jurutera di syarikatnya.

Malahan, beliau turut bersedia menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang berkaitan sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara UMP dengan Might Meteor Advanced Manufacturing Sdn Bhd (MMAM) yang diwakili Pengarah Eksekutifnya, Profesor Jasmin Baba dan Perjanjian Tanpa Pendedahan (NDA) melibatkan Setegap Ventures Petroleum (Malaysia) Sdn. Bhd (SVP) yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Nasri Nasrun.

Melalui jalinan kerjasama ini seramai 34 graduan UMP telah menjalani latihan serta ditawarkan pekerjaan di 20 buah syarikat berteknologi tinggi seluruh Malaysia. Malah,

ada dalam kalangan graduan yang menerima tawaran gaji permulaan setinggi RM4,000 daripada syarikat-syarikat tersebut.

MMAM yang merupakan pusat pengembangan sumber manusia dalam bidang industri berteknologi tinggi yang diiktiraf ini juga bekerjasama dengan universiti dalam menyediakan dan menilai modul-modul Pendidikan Berteraskan Modul Berintegriti untuk melahirkan graduan berdaya saing.

Manakala bagi perjanjian dengan Setegap Ventures pula membolehkan usaha sama dalam projek penyelidikan yang bermula sejak setahun lalu.

Dato' Dr. Daing berharap, kerjasama yang bakal dirintis UMP dengan rakan strategik industri ini amat bertepatan dengan hasrat dan agenda utama kerajaan dalam menjalinkan hubungan universiti dan industri serta mampu meneroka lebih banyak peluang untuk manfaat bersama.

Hadir dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Dekan FKKSA, Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Pengarah Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkifli Yaacob.



UMP dan MSSA jalin kerjasama bangunkan industri pembinaan struktur keluli



Universiti Malaysia Pahang (UMP) di bawah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Malaysian Structural Steel Association (MSSA) bagi melebarkan lagi prospek kerjasama dalam pembangunan sumber manusia, akademik, penyelidikan dan latihan terutamanya dalam membangunkan industri pembinaan struktur keluli di Malaysia.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dekan FKASA, Fadzil Mat Yahaya mewakili UMP manakala MSSA diwakili Timbalan Presiden, Profesor Dr. Azlan Adnan dan ahli majlisnya, Ir.Foong Tong Weng pada 13 April yang lalu.

Dalam masa yang sama turut berlangsungnya pelancaran Buku Modul Panduan Latihan Industri Berstruktur yang pertama di Malaysia atas usahasama di antara universiti ini dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang diterbitkan sebagai panduan mempersiapkan bakal graduan menjadi jurutera yang professional dan kompeten.

"Kedua-dua inisiatif ini dilihat dapat memberi nilai tambah terhadap peningkatan

daya saing UMP, khususnya di FKASA. Malahan, kolaborasi dengan pihak industri seperti MSSA dan agensi teknikal seperti CIDB ini merupakan satu keperluan bagi memastikan graduan yang dihasilkan kelak memenuhi standard dan ekspektasi pemain utama bidang ini.

"Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang sedang dalam peringkat pelaksanaan turut memberi penekanan kepada aspek peningkatan kualiti akademik sebagai antara Bidang Keberhasilan Utama Universiti ini," katanya dalam Majlis Menandatangani MoU dan Pelancaran Buku Modul Panduan Latihan Berstruktur yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP Gambang.

Modul Latihan Industri Berstruktur CIDB yang disediakan oleh pensyarah FKASA, Azhani Zukri dan Wafty Abd. Rahman ini telah dilaksanakan sejak tahun 2009 lagi. Setiap pelajar yang berjaya menamatkan latihan akan menerima sijil dan panduan pemarkahan yang dibuat berdasarkan garis panduan ini yang turut diguna pakai bagi kursus-kursus kejuruteraan lain yang berkaitan dengan bidang pembinaan termasuk di institusi pengajian tinggi yang lain.

Dengan penilaian yang komprehensif

meliputi latihan, laporan akhir dan pembentangan oleh pelajar, UMP percaya ianya merupakan antara mekanisme pengukuran yang berkesan terhadap aras kompetensi dan prestasi pelajar UMP yang terlibat.

Menurut Profesor Dr. Azlan, pihaknya kini telah menjalinkan kerjasama dalam berkongsi kepakaran, penasihat teknikal dan kemahiran dengan 11 universiti di Malaysia termasuklah Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak.

Jaringan kerjasama dengan MSSA ini akan turut memberi manfaat dalam kalangan tenaga pengajar di FKASA meliputi latihan sangkutan, penyelidikan dan penyertaan staf membabitkan kedua-dua pihak secara kolektif.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Pengurus Besar dan Ketua Unit Bahagian Personel Binaan CIDB, Dato' Ir. Rohaizi Mohd Jusoh, Pengurus Kanan Bahagian Personnel Binaan CIDB, Haniza Soid Hamidi dan Penolong Pengurus CIDB Pahang, Zainudin Ali.



UMP - JPS meterai perjanjian persefahaman dalam bidang Kejuruteraan Sungai, Pantai dan Hidrologi

Dalam mempergiatkan usaha inovasi dalam bidang penyelidikan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bagi melaksanakan pelbagai program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang Kejuruteraan Sungai, Pantai dan Hidrologi.

Menerusi Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), usaha ini dilihat satu cabang memperluaskan aspek inovasi dalam penyelidikan apabila dapat menggabungkan kepakaran dan kemahiran UMP dan JPS dalam bidang hidrologi ini.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Dr. Wan Mohd. Faizal Wan Ishak menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mewakili UMP manakala JPS diwakili Ketua Pengarahnya,

Datuk Ir. Hj. Ahmad Husaini Bin Sulaiman dan Pengarah Pengurusan Banjir, Ir. Haji Mohd Abdul Nassir Bidin.

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, memorandum persefahaman yang dimeterai ini merupakan manifestasi komitmen kedua-dua belah pihak. Melalui jaringan strategik UMP-JPS ini, kedua-dua pihak bakal memperoleh manfaat daripada kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D), akademik dan pembangunan modal insan yang akan digerakkan secara kolektif.

"Sebagai rakan kongsi baharu, JPS dilihat dapat memberi nilai tambah yang bersifat komplementari dalam mengembangkan aktiviti pengajaran dan penyelidikan berkenaan bidang pengurusan sumber air bersepadu, projek pembangunan sumber air dan hidrologi, pengurusan banjir, pengurusan lembangan sungai dan zon pantai serta saliran mesra alam," katanya ketika berucap di Dewan Bankuet UMP Kampus Gambang pada 6 Mac 2014 yang lalu.

Tambah beliau lagi, dalam semangat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), saya percaya sinergi kepakaran akademik yang dimiliki UMP dengan kepakaran teknikal yang dimiliki JPS dapat menatijahkan hasil yang memberi faedah besar kepada masyarakat secara keseluruhannya melalui pelbagai

projek dan inisiatif yang akan dijalankan.

Sebagai Pusat Kecemerlangan yang diwujudkan di universiti ini, usaha yang dilakukan oleh Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) ini dalam menjalankan kerjasama dengan JPS dapat meningkatkan keupayaan penyelidikan yang dijalankan oleh CERRM dengan meneroka aspek-aspek yang berpotensi hasil usaha sama kolektif dan sinergi bersama JPS.

Menurut Datuk Ir. Haji Ahmad Husaini Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia, pemeteraian MoU yang ditandatangani ini adalah signifikan dan simbolik dalam mewujudkan medium kerjasama dalam bidang Penyelidikan & Pembangunan (R&D), akademik dan pembangunan modal insan.

Katanya, cetusan idea-idea penyelidikan dan penemuan terbaharu, serta aplikasi teknologi terkini akan dapat membantu dan memberi impak yang sangat tinggi kepada pihak kerajaan amnya dan JPS khususnya dalam perancangan dan pengurusan sumber air secara bersepadu di masa hadapan.

Beliau juga berharap agar kerjasama yang bersepadu dan berterusan dari pihak JPS dan UMP ini dapat mengekalkan perkongsian strategik ini supaya matlamat utama pengurusan sumber air amnya dan pengurusan banjir khususnya dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.



UMP jalin kerjasama dengan LYNAS dalam penyelidikan nadir bumi

Perkembangan pesat Sains dan Teknologi membuka ruang bagi memperluas kajian berhubung potensi sumber tenaga baharu yang boleh dibangunkan serta dimajukan.

Seiring dengan pembangunan teknologi terkini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd (LYNAS) memeterai perjanjian persefahaman (MoA) yang memberi tumpuan terhadap perkembangan penyelidikan 'advanced materials' serta kawal seliaan sinaran radiasi.

Majlis menyaksikan acara menandatangani MoA memabitkan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Pusat Nadir Bumi UMP, Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz manakala pihak Lynas diwakili Pengarah Urusannya, Dato' Mashal Ahmad dan Penasihat Keselamatan Radiologi LYNAS, Profesor Dr. Ismail Bahari.

Hadir sama dalam majlis, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, (KKKSA), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Timbalan Dekan (Akademik) FKKSA, Dr. Mohd. Yusri Mohd. Yunus.

"Kewujudan Pusat Kajian Nadir Bumi yang diwujudkan di UMP dijangka akan menangani isu-isu berkaitan pemprosesan bahan mentah, bio-industri dan alam sekitar serta perkaitannya dengan soal kepenggunaan, konservasi dan pembangunan lestari yang

berjaya menarik minat para ahli akademik dan penyelidik UMP untuk menjalankan kajian-kajian yang berkaitan," katanya semasa menyampaikan ucapan pada 10 Februari 2014 yang lalu di Dewan Bankuet, Canseleri, UMP kampus Gambang.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, apabila isu-isu berkaitan Lynas Advanced Material Plant yang timbul setahun lalu, UMP dengan mandat daripada Kementerian Pengajian Tinggi pada ketika itu terpanggil untuk berperanan menyampaikan maklumat-maklumat sahih, saintifik dan ilmiah kepada masyarakat bagi memberikan gambaran sebenar mengenai nadir bumi kepada masyarakat.

Tambah beliau, persefahaman ini akan mewujudkan hubungan strategik yang rapat antara UMP dan Lynas sehingga membolehkan sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan berkaitan nadir bumi ditubuhkan di universiti ini.

Beliau percaya bahawa jaringan strategik ini dapat terus diupaya dan dikembangkan dalam semangat penerokaan ilmu pengetahuan dan inovasi. Ianya sekaligus akan memberi manfaat yang tidak sedikit dalam jangka masa panjang kepada dapatan saintifik dan kesejahteraan sejagat.

Melalui Pusat Kajian Nadir Bumi yang diwujudkan di UMP, beberapa inisiatif persefahaman yang dibentuk daripada MoA

ini akan membolehkan kedua-dua pihak menjalankan kajian bersifat komersial berkonsepkan kemajuan di peringkat teori untuk aspek pemprosesan, aspek keselamatan kilang, pengoptimuman reka bentuk kilang bagi tujuan pengekstrakan kos efektif serta sistem kawal selia proses dan pelupusan sisa yang selamat.

Selain itu, ianya mampu mengendalikan kemudahan loji pandu (*pilot plant*) yang membolehkannya menjana data "scale-up process" bagi memperoleh data yang boleh dipercayai, realistik dan tepat untuk dipraktikkan bagi operasi kilang sebenar.

Sementara itu, Dato' Marshal berkata, kerjasama dengan UMP ini akan memberi peluang dalam pembangunan penyelidikan termasuk penghasilan produk hasil sisa buangan untuk dikomersialkan. Malahan pada masa ini pihaknya berjaya menghasilkan tiga produk yang menepati ciri-ciri diperlukan iaitu tidak radioaktif, tidak larut resap dan tidak toksik.

Pusat Nadir Bumi ini akan menjadi pusat rujukan peringkat kebangsaan untuk kajian nadir bumi yang penting bagi penyelidikan yang berkualiti serta memudahkan urusan pemindahan teknologi melalui penubuhan *endowment fund*, kerusi penyelidikan (*research chair*), kerjasama penyelidikan, pertukaran staf, lawatan pakar, "attachment program" dan seminar mahupun kursus.



AEC, CPPTS jalin kerjasama kursus pengendalian kenderaan

Gambar dan foto oleh: SYARIFAH IKHMAR AFZAN SYED ABD. RAHMAN

Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan CPP Training & Services Sdn. Bhd. (CPPTS) bekerjasama dalam menjalankan kursus-kursus berkaitan pengendalian kenderaan dan pemanduan berhemah.

Menerusi program ini, kedua-dua pihak akan berkongsi kepakaran dalam menjalankan kursus asas pengendalian kenderaan bagi melahirkan di kalangan pemandu yang mahir dan cekap.

Jalinan kerjasama ini dimeterai dalam Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) melibatkan Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC), Dr. Abdul Adam Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif CPPTS, Mahathir Manan serta Ketua Jurulatih, Mazlan Ariffin.

Program yang berlangsung di Kem Delta Komasir, Jugra Banting, Selangor pada 21 Januari 2014 yang lalu.

Menurut Dr. Abdul Adam, antara kursus yang dijalankan setakat ini adalah *Defensive Driving Skills* yang bertujuan memberikan pendedahan terhadap orang ramai mengenai cara pemanduan selamat, cara menangani tekanan berdepan situasi kecemasan semasa dalam pemanduan serta meningkatkan kemahiran penyelenggaraan kenderaan.

"Program ini bukan sahaja melibatkan staf UMP malah melibatkan agensi-agensi luar di sekitar Pantai Timur ini," katanya.

Beliau mengharapkan dengan kerjasama ini kedua-dua pihak dapat dimanfaatkan bersama dalam mempelbagaikan program yang menggalakkan perubahan sikap dalam kalangan pengguna jalan raya di Malaysia agar mereka dapat memandu dengan berhemah dan selamat.





UMP jalin kerjasama program Pengurusan Teknologi Industri



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam memanfaatkan bidang berkaitan pembangunan akademik dan penyelidikan kedua-dua universiti berfokus ini.

Acara menandatangani MoU menyaksikan UTHM diwakili Naib Canselor, Datuk Profesor Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Pendaftar, Sulam Hamid manakala Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed dan Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Zularisam Abd. Wahid mewakili UMP dalam majlis yang berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim Ismail, UTHM Batu Pahat Johor pada 10 April yang lalu.

Menurut Profesor Dr. Mohd. Noh, kerjasama ini menggalakkan kedua-dua universiti di dalam *Malaysian Technical University Network (MTUN)* ini berkongsi kepakaran dan bekerjasama dalam program pertukaran staf akademik dan penyelidik, pertukaran pelajar dan menjalinkan kolaborasi dalam penganjuran seminar, persidangan, simposium dan program intelektual yang lain.

"Jaringan kerjasama erat universiti MTUN

ini juga memberi peluang dalam pembangunan aktiviti penyelidikan dan perundingan termasuk perkongsian pengalaman dalam pemindahan teknologi dan penggunaan makmal serta peralatan," katanya.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Mortaza yang hadir mewakili Naib Canselor UMP berkata, kerjasama ini akan merealisasikan hasrat MTUN dalam usaha menggalakkan pertukaran pelajar antara universiti selain menjadi pemangkin dalam kerjasama lain pada masa akan datang.

Katanya, usaha yang dijalankan di antara Fakulti Teknologi (FT) di UMP dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) di UTHM ini akan berkongsi maklumat berkenaan peralatan serta kemudahan yang terdapat di makmal sebagai panduan untuk menambah baik kelengkapan bagi program Pengurusan Teknologi Industri.

Malah katanya, sesi perbincangan juga telah diadakan bagi membincangkan hala tuju kerjasama kedua-dua pihak terutamanya dalam bidang akademik dan penyelidikan termasuk program pertukaran pelajar berkredid.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung acara menandatangani MoU antara UTHM dan

Universiti Naresuan Thailand. Hadir sama dalam majlis, Presiden Universiti Naresuan, Profesor Dr. Sujin Jinahyon dan Ketua Jabatan Hubungan Universiti-Industri UTHM iaitu Dr. Hariati Taib.

Kerjasama ini menggalakkan kedua-dua universiti di dalam *Malaysian Technical University Network (MTUN)* ini berkongsi kepakaran dan bekerjasama dalam program pertukaran staf akademik dan penyelidik, pertukaran pelajar dan menjalinkan kolaborasi dalam penganjuran seminar, persidangan, simposium dan program intelektual yang lain.



Fakulti Teknologi Kejuruteraan jalin hubungan baik dengan FMM

Berita dan foto oleh:
MOHAMAD RUSYDI MOHAMAD YASIN

Dalam usaha menjalinkan hubungan baik dengan industri, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mengadakan kunjungan dan pertemuan dengan ahli jawatankuasa Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) cawangan Pantai Timur di pejabat FMM di Kuantan sebagai satu usaha merapatkan hubungan khususnya di kalangan pemain industri di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Pertemuan diketuai oleh Dekan FKT, Prof. Madya Dr Zularisam Abd Wahid yang hadir bersama Ketua Program Teknologi Kejuruteraan Pembuatan, Mohamad Rusydi Mohamad Yasin, Penyelaras Jaringan Industri, Noor Intan Shafinas Muhammad dan Penolong Pendaftar, Emma Melati Burhanuddin manakala pihak FMM diwakili oleh Timbalan Pengerusi FMM, Dato' Haji Lahuree Sudiran, Sekretariat FMM, Hafizah Ismail dan wakil-wakil dari industri pembuatan Pantai Timur. Lawatan diadakan pada 17 April 2014 yang lalu.

Menurut Profesor Madya Dr Zularisam, objektif utama pertemuan ini adalah bagi memperkenalkan program-program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di universiti ini kepada

pihak FMM dan wakil-wakil industri.

“Pertemuan juga membincangkan berkaitan peralihan Panel Penasihat Industri (IAP) bagi program teknologi kejuruteraan dalam kalangan wakil industri di ECER.”

“Begitu juga dengan penempatan para pelajar Teknologi Kejuruteraan bagi menjalani latihan industri serta mengenal pasti potensi kerjasama dalam menjalankan kajian di antara industri-perkilangan di ECER dan UMP,” katanya yang ditemui selepas pertemuan.

Tambah beliau, hasil perbincangan ini juga beberapa aktiviti fakulti dengan kerjasama FMM telah dikenal pasti. Antaranya adalah siri lawatan ke industri-industri yang berkaitan bagi membincangkan bentuk hubungan kerjasama akademik dan kajian yang sesuai.

Selain itu, turut dibincangkan tentang komitmen kerjasama FMM dalam penganjuran seminar akademik yang bakal dianjurkan oleh fakulti di masa akan datang. Dengan kunjungan ini, Profesor Madya Dr Zularisam mengharapkan dapat meneroka lebih banyak peluang kerjasama untuk dimanfaatkan kedua-dua pihak.



Profesor Dr. Jasni terima pangkat Mejar Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela TUDM

Oleh: KAPTEN ILEYAS MAT ZIN

Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain yang merupakan Dekan Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dianugerahkan pangkat Mejar Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada 7 Januari 2014 yang lalu.

Majlis Pemakaian Pangkat Tauliah (Kehormat) Pasukan Simpanan Sukarela TUDM (PSSTUDM) itu disempurnakan oleh Panglima TUDM Jeneral Tan Sri Rodzali Daud pada majlis yang berlangsung di Eagle Nest, Markas Tentera Udara, Sungai Besi.

Profesor Dr. Jasni berkata, beliau tidak pernah menyangka akan dianugerahkan pangkat itu. "Penganugerahan ini diharapkan menjadi pendorong semangat kepada yang lain untuk sama-sama menyumbang tenaga dengan menyertai Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)," katanya yang turut memaklumkan sehingga kini UMP mempunyai seramai 87

anggota Palapes Udara.

Profesor Dr. Jasni merupakan salah seorang daripada tiga wakil daripada universiti awam terpilih untuk menerima pangkat tersebut. Manakala dua lagi penerima adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar) dari Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Adnan Hussein dengan dianugerahkan pangkat Lt. Kol Kehormat PSSTUDM dan Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Komunikasi Korporat, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Ahmad Termizi Ab Aziz yang menerima pangkat Mejar Kehormat PSSTUDM.

Turut hadir dalam majlis adalah Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt. Jen Dato' Sri Haji Roslan Saad, Panglima Operasi Udara TUDM, Lt. Jen Dato' Sri Ackbal Haji Abdul Samad dan Pengarah Pusat Kokurikulum UMP, Ramle Abid serta Ajutan PALAPES Udara UMP, Kapten Ileyas Mat Zin.



UMP dan ECERDC rai pelajar luar bandar cemerlang akademik

Seramai 107 pelajar yang memperolei keputusan cemerlang dalam tiga peperiksaan utama tahun lalu iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dirai dalam Majlis Kecemerlangan Program Empower ECER Mahkota yang diadakan di Dewan Astaka UMP Gambang pada 14 April 2014 yang lalu.

Program yang dilaksanakan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) ini melibatkan sebanyak 13 sekolah luar bandar dalam melonjakkan prestasi akademik para pelajar di sekolah-sekolah yang terpilih sebagai penerima manfaat daripada inisiatif ini.

Antaranya melibatkan Sekolah Kebangsaan (SK) Lepar, SK Runchang, SK Serandu, SK Indera Shahbandar, SK Nenas, SK Peramu Jaya, SK Pekan Jaya dan SK Tanjung Batu. Manakala sekolah menengah yang terlibat adalah Sek. Men. Keb. (SMK) Lepar Pekan, SMK Indera Shahbandar, SMK Seri Pekan, SMK Nenas dan SMK Peramu Jaya.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob. Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Dato' Jebasingam Isaace John, ADUN Bebar, Muhammad Fakhruddin Mohd. Ariff dan Pegawai Daerah Pekan, Dato' Mohd. Fadzli Kenali.

Dato' Sri Diraja Haji Adnan berkata, pihak kerajaan negeri amat menghargai peranan ECERDC sebagai penggerak program transformasi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang banyak melaksanakan program dalam meningkatkan tahap akademik dan kualiti penduduk menerusi program pembangunan yang dikendalikan.

"Hasil usaha pelaksanaan program Empower ECER Mahkota ini dibuktikan dengan

kejayaan yang dicapai pelajar yang diraikan hari ini," katanya yang menasihatkan pelajar agar terus mencipta kejayaan pada masa depan.

Menurut beliau program kerjasama ini UMP dan ECERDC ini mencerminkan komitmen kolektif dan sinergi pihak universiti, sekolah, ibu bapa dan pelajar bagi merealisasikan agenda kecemerlangan akademik pelajar luar bandar.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, program bermula sebagai 'Sinar ECER' sejak tahun 2011, namun inisiatif ini seterusnya mendapat perhatian istimewa Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah ibni Sultan Haji Ahmad Shah yang mengilhankan penjenamaan semula kepada 'Empower ECER Mahkota' pada tahun 2012.

"Daripada hanya dua sekolah dan 170 pelajar sebagai penerima manfaat pada tahun 2011, inisiatif Empower ECER Mahkota telah berkembang subur dengan meliputi 17 buah sekolah dan 2,057 pelajar di Daerah Pekan sebagai penerima manfaat bagi tahun 2014," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Dalam tempoh empat tahun pelaksanaannya, inisiatif ini telah memberi manfaat kepada seramai 5,389 orang pelajar di Daerah Pekan. Ianya merupakan satu pencapaian yang amat signifikan, terutamanya dalam konteks Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang memerlukan pelbagai agensi kerajaan bersinergi antara satu sama lain bagi menggerakkan projek-projek yang memberi nilai tambah kepada pembangunan sosioekonomi rakyat.

Sementara itu, Dato' Jebasingam Isaace turut melahirkan rasa bangga apabila program Empower ECER hasil cetusan Menteri Besar yang bermula di Bentong ini telah diperluas dan dimanfaatkan di beberapa daerah lain dalam usaha membantu masyarakat luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup

rakyat.

Selain itu, katanya kerjasama UMP dalam memberi komitmen bagi melaksanakan 'Super Camp', 'Study Corner', Modul Sains, Matematik dan Teknologi, Empower Fizik dan Matematik Tambahan, *Empower English* dan Tautan Kasih ini juga harus dipuji.

Dalam program yang sama Dato' Sri Diraja Haji Adnan turut menyaksikan acara pertukaran dokumen perjanjian bersama antara UMP dan ECERDC dalam menjayakan program Empower ECER Mahkota yang melibatkan program latihan akademik dan program latihan kemahiran dan keusahawanan.

Antara sekolah yang bakal menerima inisiatif ini termasuklah SK Tanah Putih, SK Sri Maulana, SJK (C) Yoke Hwa, SMK Dato' Mahmud Mat dan SMK Pekan. Program akan dikembangkan ke dua buah sekolah lagi termasuklah SK (T) Ladang Jeram dan SK Cherok Paloh.

Manakala lapan program kemahiran yang akan dilaksanakan membabitkan 225 peserta program Masakan 1 Malaysia, Modul Lanjutan Pembangunan Usahawan dan Latihan Kemahiran, Jahitan, Pendawaian Elektrik, Dandan Rambut, Tatarias Kecantikan (rawatan muka, badan dan solekan), *Maternity Refleksiologi* dan *Post Natal* serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH).

Dalam program ini juga, 66 pelajar menerima sijil kecemerlangan dan wang tunai sebanyak seratus ringgit atas kejayaan memperolei keputusan 5A dalam peperiksaan UPSR. Manakala seramai 29 pelajar menerima sijil kecemerlangan dan wang tunai seratus lima puluh ringgit yang menerima 'A' bagi semua mata pelajaran dalam peperiksaan PMR. Penghargaan turut dianugerahkan kepada 12 orang pelajar SPM atas kejayaan mencapai 7A, 8A dan 9A yang membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai dua ratus ringgit.



NC saran pengurusan UMP gembeng tenaga pastikan universiti jadi pilihan utama

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN DAN FADHLI SUHAIMI



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertemu dengan barisan pengurusan tertinggi, dekan-dekan fakulti dan pengarah dalam Majlis Perjumpaan NC UMP bersama Dekan dan Pengarah serta Majlis Penghargaan Penerima Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Pahang pada 13 Januari 2014 yang lalu.

Dalam menyampaikan ucapan, Dato' Dr. Daing Nasir menyarankan semua pihak perlu bekerja keras dan menggembeng tenaga dalam memastikan UMP menjadi universiti pilihan utama.

"Pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 kini berada di pecutan terakhir menjelang 2015 nanti dan pada masa yang sama UMP juga turut memainkan peranan bagi merealisasikan aspirasi negara dalam mencapai Wawasan 2020 yang masih berbaki enam tahun lagi.

Selain itu, empat objektif utama dalam mencapai Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) yang digariskan dalam pelan strategik juga perlu diberi perhatian," katanya.

Beliau turut menekankan kesinambungan terhadap usaha berterusan bagi memantapkan kelicinan proses

pengurusan dan pentadbiran di universiti ini sebagaimana yang telah dibengkelkan beberapa tahun lalu dalam pelaksanaan Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran UMP.

Malahan, mengimbas ucapan beliau pada tahun yang lalu, beliau terus mengharapkan agar seluruh warga UMP dapat mencipta kejayaan dengan kembali menziarahi semula (revisit) terhadap elemen pengukuhan asas dalam fasa pelaksanaan strategi demi mencapai kecemerlangan.

Lain-lain perkara yang perlu diambil perhatian termasuklah memantapkan bisnis teras (*core business*) universiti, pengurusan keselamatan, integriti dan disiplin serta pandai membuat pertimbangan terhadap perkara penting yang memerlukan kepakaran atas tugas yang dipertanggungjawabkan demi kemajuan universiti ini.

Beliau juga menekankan agenda penjimatan kos dan budaya kerja yang berkualiti serta meminta agar setiap ketua yang dilantik meletakkan sasaran terhadap staf termasuk dalam kalangan profesor bagi memastikan kebijaksanaan mereka ini dapat diimbangi antara pentadbiran, penyelidikan dan pengajaran.

Sementara itu, majlis menyaksikan

seramai tujuh orang dalam kalangan staf UMP dirai sempena pengurniaan darjah kebesaran dan pingat negeri Pahang pada Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke-83 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada tahun ini.

Mereka adalah Dato' Dr. Daing Nasir yang menerima Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin yang menerima Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) dan Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dianugerahkan pingat Setia Ahmad Shah Pahang (SAP).

Lain-lain yang menerima Ahli Mahkota Pahang (AMP) adalah Penolong Pendaftar Fakulti Teknologi, Emma Melati Burhanuddin, Penolong Pendaftar Bahagian Komunikasi Korporat, Mimi Rabita Haji Abdul Wahit dan Pegawai Teknologi Maklumat, Suzana Zahid. Manakala Pembantu Perpustakaan, Hazlinda Abdul Rahman menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).

Dalam masa yang sama, Dato' Dr. Daing turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed yang dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang baharu menggantikan Profesor Dato' Dr. Ir. Badrulhisham Abdul Aziz.



Warga UMP sambut Maulidur Rasul 1435H

Lebih 600 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berarak sambil mengalunkan selawat memuji kebesaran Rasulullah SAW sempena memperingati Hari Keputeraan Baginda sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat universiti yang berlangsung di UMP Gambang pada 29 Januari yang lalu.

Perarakan diketuai oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi pengurusan tertinggi diikuti 19 kontingen dari gabungan pelbagai jabatan dan fakulti di UMP. Perarakan sejauh 1.2 kilometer bermula dari Kompleks Sukan UMP menuju ke Masjid UMP.

Antara yang hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim, Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Chee Pee, Bendahari, Zainuddin Othman dan Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mayhuddin Ismail.

Antara jabatan yang turut serta dalam perbarisan ialah kontingen Jabatan Canseleri, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Perpustakaan dan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH).

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir menyeru agar warga UMP meningkatkan kewajipan masing-masing dengan melaksanakan peranan sebagai seorang muslim yang bertakwa serta menghindari diri daripada amalan yang bercanggah dengan tuntutan agama serta

budaya Islam.

"Contohi ikutan yang terbaik Nabi Muhammad S.A. W dalam mengemukakan jalan penyelesaian kepada pelbagai isu yang dapat ditekuni daripada sunnah dan sirah baginda," katanya.

Malah katanya, anggaplah perkhidmatan kita di universiti ini sebagai amanah dan bukannya beban agar amanah tersebut dapat disempurnakan mengikut keutamaan seterusnya memberi impak positif kepada organisasi.

Sambutan yang bertemakan 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' itu dimulakan dengan persembahan qasidah dari kumpulan Ar-Rayyan yang terdiri daripada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Program yang merupakan acara tahunan UMP itu turut diserikan dengan ceramah maulidur rasul yang disampaikan penceramah terkenal, Dr. Zulkefli Al Bakri yang merupakan ahli Lembaga Pengarah Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd. dan ahli panel kajian akidah dan syariah di JAKIM.

Majlis turut dimeriahkan dengan acara penyampaian hadiah pemenang pertandingan perbarisan dan sepanduk terbaik. Tempat pertama dimenangi oleh kontingen gabungan yang diwakili Jabatan Penyelidikan & Inovasi dan UMP Holding dan tempat kedua milik Pusat Sukan UMP.

Manakala tempat ketiga hingga kelima dimenangi Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSSKP), Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan gabungan Pusat Kesihatan dan Keselamatan.



Kad Unidebit bagi kemudahan pelajar UMP dilancar



Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) melancarkan kad debit yang direka khas untuk pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sebahagian daripada usaha untuk melanjutkan kemudahan transaksi tanpa tunai kepada pelajar UMP pada 26 Februari 2014 yang lalu.

Kad Visa Debit-i Universiti (UniDebit) dilancarkan oleh Pengarah Urusan Bank Islam, Dato' Sri Zukri Samat dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam Majlis Pelancaran Kad Debit Universiti-i (Unidebit) yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Zukri menjelaskan, kad UniDebit ini menawarkan fungsi tambahan berbanding dengan kad debit standard. Kad Debit Universiti Bank Islam menyediakan akses mudah ke universiti dan perpustakaan serta fungsi ID universiti dalam satu kad.

"Pelajar UMP kini boleh menikmati kelebihan yang unik sebagai tambahan kepada semua kemudahan yang ada pada kad debit Visa. Dalam melangkah ke hadapan, kad ini akan dapat digunakan untuk aplikasi UMP yang serba canggih juga.

"Para pelajar kini boleh melakukan urusan niaga dalam talian melalui kad UniDebit untuk membeli buku-buku, peralatan belajar dan lain-lain kepentingan. Selain daripada kemudahan 'on-the-campus' yang unik, Kad UniDebit ini juga merupakan titik permulaan yang baik untuk para pelajar menggunakan

ciri-ciri yang disediakan oleh perkhidmatan perbankan semasa," katanya.

Selain itu, dengan menggunakan Rangkaian Global VISA, pengguna boleh menggunakan kad untuk mengeluarkan wang dari ATM yang didapati di seluruh dunia dan membuat transaksi runcit di kedai-kedai di seluruh dunia, menjadikan kad UniDebit sesuai untuk mereka yang berminat untuk melancong ke luar negara.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir mengimbas kembali sejarah hubungan dua hala kita, kerjasama UMP-BIMB bermula beberapa tahun lalu apabila pihak Bank Islam menyalurkan sumbangan zakat melalui UMP untuk diagihkan kepada para asnaf dalam kalangan mahasiswa universiti ini yang memerlukan.

Kata beliau, BIMB menjadi pilihan universiti ini bagi urusan perkhidmatan bayaran yuran pengajian dan lain-lain bayaran secara tunai menerusi kaunter kemudahan mesin ATM di sini. Malah, kerjasama yang sedia terjalin ini telah memberikan impak yang tidak sedikit kepada mahasiswa UMP, khususnya dalam memudah cara urusan kewangan dan meringankan beban mereka.

Menurut Dato' Dr. Daing, kemudahan transaksi tanpa tunai bukanlah sesuatu yang asing, tetapi merupakan suatu kelaziman di negara-negara maju. Kecanggihan teknologi telah membolehkan transaksi kewangan yang bukan bersifat kredit dapat disempurnakan dengan Kad Debit tanpa perlu membawa

wang yang banyak secara fizikal bersama kita.

Katanya, dengan kemudahan ini, pelajar digalakkan untuk mengurus transaksi belian tanpa tunai serta berbelanja secara atas talian yang ternyata lebih menjamin keselesaan dan keselamatan.

Tambah beliau, pelajar juga akan mampu menguruskan perbelanjaan mereka dengan lebih baik dengan melakukan urusan niaga dalam talian untuk membeli buku-buku, peralatan belajar dan lain-lain kepentingan di perpustakaan, kedai koperasi, kedai cenderahati dan di lain-lain tempat termasuk membeli makanan pada masa akan datang dan untuk peringkat ini, kemudahan kad UniDebit yang diperkenalkan ini bakal dimanfaatkan kepada pelajar baharu yang mendaftar mulai semester ini.

Selain itu, inisiatif ini kelak akan seterusnya dikembangkan meliputi mahasiswa lain dengan menjadikan Kad UniDebit ini sebagai kad pelajar atau ID universiti boleh digunakan bagi pelbagai tujuan di dalam kampus dan di luar UMP.

Majlis dihadiri lebih 500 pelajar. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Bendahari UMP, Zainuddin Othman, Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan Pegawai-pegawai Kanan Bank Islam.



SAMBUT..... Naib Canselor menyambut ketibaan staf yang meyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul 1435H di perkarangan Masjid UMP.



JUARA..... Bendahari UMP menyampaikan piala pusingan kepada Pasukan Bendahari yang menjadi juara Kejuhan Bola Tampar Tertutup UMP 2014.



INOVASI..... Naib Canselor meninjau produk ciptaan pelajar sekolah yang menyertai pameran sempena Hari Terbuka UMP 2014.



MENARI..... Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) turut serta menari bersama penari-penari dalam persembahan Festival Bayu Kenyalang 2014.





MASUM 2014..... Naib Canselor hadir menyampaikan bendera kepada kontinjen ke Kejohanan Sukan MASUM 2014.



BB1M..... Sebahagian pelajar UMP beratur untuk mendapatkan Baucer Buku 1Malaysia.



GALERI..... Pelajar Sekolah Menengah Sains Setiu, Terengganu melawat Galeri UMP sempena lawatan sambil belajar ke UMP Kampus Gambang.



GEMBIRA..... Staf Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. bergambar selepas selesai Majlis Penyampaian Sijil Kursus Asas Bahasa Mandarin anjuran Mandarin Languages & Culture Centre (MLCC) UMP.

Klik-Klik Lensa



60 pelajar SMK Ubai lawat kampus UMP

Seramai 60 pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ubai, Pekan bersama empat guru pengiring berkunjung ke kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Gambang pada 4 Februari 2014 yang lalu.

Lawatan yang diketuai oleh Guru Kaunselor, Ahmad Khazani Abdul Wahab ini bertujuan menimba pengalaman dan mendapatkan maklumat mengenai program-program yang ditawarkan universiti ini serta untuk menyaksikan sendiri kehidupan kampus dengan lebih dekat.

Dalam lawatan ini, pelajar dibawa melawat makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) bagi menyaksikan kecanggihan makmal yang berteknologi tinggi di sini.

Dalam masa yang sama pelajar berpeluang melawat Galeri UMP yang menyimpan koleksi sejarah UMP, penyelidikan dan inovasi serta pencapaian pelajar sejak universiti ini ditubuhkan.

Ahmad Khazani berkata, pihaknya teruja untuk hadir melawat UMP yang merupakan institut pengajian terkemuka ini malahan, penyertaan pelajar pada kali ini bukan sahaja melibatkan pelajar Aliran Sains semata-mata tetapi juga melibatkan pelajar Aliran Sastera.

“Saya beranggapan golongan pelajar ini

perlu merasai dan melihat sendiri suasana di menara gading dan sebagai mahasiswa universiti memandangkan kebanyakan mereka berasal dari kampung dan usaha ini sebagai pemangkin bagi mereka menanam azam untuk belajar bersungguh-sungguh,” katanya.

Menurut beliau, dengan pendedahan awal ini diharapkan mereka lebih berusaha keras, bersemangat, berdisiplin, serta responsif kepada perubahan subjek pembelajaran yang sentiasa memerlukan pendekatan terkini.

Sementara itu, Nur Azreen Abdullah, 17 merupakan pelajar yang cemerlang semasa Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang memperoleh 7A 1B amat teruja dapat mengikuti lawatan sambil belajar ini.

Katanya, pendedahan seperti ini membuatkan beliau lebih mengetahui selok-belok bagaimana dan hala tuju selepas tamat persekolahan nanti. Ianya juga memberi gambaran sebenar apa yang dipelajari dan persekitaran yang amat berbeza dengan sekolah.

Nur Azreen yang bercita-cita menjadi jurutera dalam bidang automotif berkata, sasaran dan pencapaian semasa pemilihan subjek juga amat membantunya dalam menentukan masa depan pelajar yang berhasrat memegang segulung ijazah itu kelak tercapai.



Kolokium Pentadbir bincang transisi minda dan inovasi potensi

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN

Persatuan Pegawai Tadbir & Iktisas (PPTI) dengan kerjasama Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi (BLPK) buat julung kalinya berjaya menganjurkan Kolokium Pentadbir yang berlangsung di Dewan Tun Teja 1, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 22 Januari 2014 yang lalu.

Presiden PPTI, Abd. Rahman Haji Safie dalam ucapannya berkata, program yang diadakan ini amat bertepatan dalam menuntun para pentadbir melakukan transformasi dalam tugas seharian mereka di samping transisi dalam tindakan dan pemikiran.

"Bersesuaian dengan tema, para pentadbir pada masa kini perlu memainkan peranan untuk mengubah pemikiran dan minda yang positif serta mencetuskan inovasi dalam setiap peluang dan potensi diri. Justeru, bakat-bakat baharu dapat digilap dan diwarnai melalui perkongsian pengalaman sesama pentadbir dalam membudayakan amalan intelektual," katanya.

Program bertemakan 'Transisi Minda Inovasi Potensi' menampilkan Penolong Pendaftar Kanan di Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) iaitu Zainal Bahari yang membentangkan tajuk 'Program Pembangunan Sosial - ECER-UMP' dan Wan Azlee Wan Abdullah yang merupakan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan di Pusat Pembangunan Korporat &

Pengurusan Kualiti (PPKPK) bagi berkongsi pandangan tentang inovasi strategik dalam pengurusan data.

Menurut Zainal, UMP harus memainkan peranan yang besar dalam pembangunan sosial ECER seperti program-program latihan akademik dan keusahawanan dalam melatih dan mendidik masyarakat setempat yang secara tidak langsung mendekatkan lagi UMP khususnya para pentadbir untuk terlibat dalam aktiviti pembangunan sosial ini secara langsung.

Manakala Wan Azlee dalam sesi perkongsian berkata, inovasi strategik dalam pengurusan dan pembangunan sistem data yang berkesan dan efisien mampu untuk merekod dan mengemas kini data-data dengan lebih tepat dan berkualiti yang diperlukan oleh pelbagai pihak khususnya dalam penarafan data.

Kolokium ini turut dihadiri lebih daripada 100 orang pentadbir UMP dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Beberapa siri kolokium akan turut diadakan pada bulan Mac dan Mei dengan mengetengahkan para pentadbir yang telah membuat pembentangan kertas kerja semasa World University Forum di luar negara serta mengikuti program sangkutan dan program pembangunan profesional di beberapa buah negara sebagai satu cara perkongsian ilmu di antara para pentadbir dan warga universiti.



Warga UMP semarakkan budaya berselawat memuji Rasulullah SAW

Hampir 1,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir memeriahkan program UMP Berselawat dalam Maulid@IKIMFM yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Gambang pada 18 April 2014 yang lalu.

Program yang dianjurkan Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 2 (PEKA 2) mendapat kerjasama dari Majlis Pengetua Kolej Kediaman dan Kumpulan Qasidah UMP serta sokongan daripada Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.FM) dalam memperkenalkan program berselawat dalam kalangan anak-anak muda sebagai medan ilmu dan tarbiah.

Menurut pengarah program, Muhammad Syarif Mohd. Sukri, program ini menyajikan program hiburan alternatif kepada para pelajar dan pendengar IKIM.FM memandangkan rancangan berkonsepkan persembahan hiburan islam ini disiarkan secara langsung di radio IKIM.FM dan juga secara *live-streaming* di internet tvIKIM.

"Program dianjurkan bagi mewujudkan budaya mencintai Rasul dalam kalangan masyarakat dan kepentingan menghayati sirah serta kelebihan mengamalkan sunnah Nabi Muhammad SAW yang dituntut kepada umat Islam," katanya.

Tetamu yang hadir turut mendengar pentauliah yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Asyraf Mohd Osman. Hadir menjayakan program, Kumpulan Far East

dan Kumpulan Qasidah Shoutul Asyraq yang mempersembahkan hiburan dalam menyemarakkan program yang berlangsung pada kali ini.

Sementara itu, Penerbit Rancangan Kanan IKIM.FM, Fairuz Haji Noordin berkata, pihaknya berbangga dengan komitmen pihak UMP dalam bekerjasama menjayakan program terbitan siaran radio IKIM.FM. Malah, ianya juga dapat mempromosikan program terbitan rancangan radio itu yang turut menasaskan penonton baharu dalam kalangan generasi muda.

Hadir dalam majlis ini, Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail dan Pengarah Pusat Media Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr Nik Roskiman Abdul Samad.

Pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Nor Faezahtul Nor Azaini yang berpeluang hadir dalam program ini berkata, program ini memberi peluang kepada generasi muda untuk menimba ilmu sambil beramal dan mendengar alunan selawat memuji kebesaran Nabi Muhammad SAW. Beliau juga berharap lebih banyak program sebegini dapat dianjurkan pada masa akan datang.

UMP turut bekerjasama dengan kerajaan negeri Pahang dan stesen TV Islamik, TV Al Hijrah serta beberapa agensi lain dalam penganjuran Malam Cinta Rasul yang dihadiri

Menteri Besar Pahang, Datuk Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob bagi mendengar alunan qasidah dan selawat yang memuji Rasulullah SAW dengan pimpinan tokoh agama terkenal Nusantara, Habib Syech Abdul Qodir Asseqaf dan tazkirah oleh Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid pada 24 April lalu yang berlangsung di Padang MPK 1 di Kuantan yang dihadiri puluhan ribu penonton.





159 staf dan pelajar UMP menyumbang untuk bekalan darah HTAA

Kolej Kediaman Kedua (KK2) Universiti Malaysia Pahang telah bekerjasama dengan Hospital Tengku Ampuan Afzan dan Lions Club dalam penganjuran Program Derma Darah sebagai usaha menambahkan bekalan darah di hospital untuk kegunaan kecemasan.

Program juga bertujuan menarik minat golongan muda tampil sebagai penderma darah ini menyaksikan lebih kurang 150 orang dalam kalangan staf dan pelajar hadir menderma darah pada program yang dijalankan di perkarangan dewan kuliah di Blok W, UMP Gambang pada 1 April 2014 yang lalu.

Pengarah program, Dhijeedthiran Naidu a/l Chandren berkata, program sehari ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada warga kampus khususnya penghuni KK2 mengenai kepentingan dan manfaat menderma darah.

Beliau berbangga dengan sambutan yang amat menggalakkan dalam kalangan warga kampus malah berjaya mengumpulkan sebanyak 159 beg darah untuk diserahkan kepada pusat tabung darah.

“Pengunjung bukan sahaja dapat menderma darah malah dapat berkongsi ilmu tentang kepentingan untuk menderma

darah, keistimewaan sebagai penderma dan mengetahui serba sedikit berkaitan penggunaan ubat-ubatan.

“Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung antaranya pameran kesihatan dari Klinik Kesihatan UMP, pemeriksaan kesihatan percuma dan ceramah bertajuk penggunaan ubat yang disampaikan oleh petugas dari Unit Farmasi HTAA,” katanya.

Manakala menurut Albert Chan yang mewakili Lions Club berkata, pihaknya sentiasa menyokong usaha pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam menggalakkan generasi muda untuk sedar tentang tanggungjawab sejagat dalam membantu insan lain yang memerlukan darah terutamanya sewaktu kecemasan.

Tambahnya, usaha ini perlu diteruskan kerana masih ramai lagi mereka yang di luar sana yang tidak mengambil berat tentang perkara ini. Namun, biasanya kesedaran ini akan timbul tatkala keluarga atau saudara terdekat mereka terdesak memerlukan penderma darah untuk membolehkan mereka terus menikmati kehidupan.

Sementara itu, penderma darah yang menyumbang pengajian di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Adam Ismail, 22,

berkata beliau bersyukur kerana masih berjaya melepasi saringan untuk menderma darah dan ianya merupakan sumbangan kali kesepuluh. Namun ianya merupakan kali keenam sumbangan sepanjang berada dalam pengajian di universiti ini.

Tambahnya lagi, hasrat murninya ini bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan seterusnya dapat membantu pihak hospital dalam menampung bekalan tabung darah yang amat diperlukan terutamanya semasa berdepan dengan waktu kecemasan.





YADIM dan UMP jayakan Jejak Menara



Hampir 1,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mengikuti program Jejak Menara 2014 peringkat negeri Pahang anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Zon Timur dengan kerjasama UMP pada 23 Mac yang lalu.

Program bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar lepasan sekolah untuk mendapatkan pendedahan awal termasuk cara permohonan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Dr. Asyraf Wajdi Dato' Haji Dusuki berkata, Program Jejak Menara ini merupakan siri kelapan daripada 14 lokasi yang akan dijalankan di seluruh Malaysia.

"Program sehari ini adalah sebagai pembakar semangat untuk pelajar sentiasa bersemangat dalam pelajaran dan beristiqamah serta berdisiplin dengan pelajaran. Malahan, untuk menjadi pelajar cemerlang bukan sahaja perlu cemerlang dalam akademik malah perlu aktif dalam bersatu-satua dan kesukarelawan untuk membina jati diri," katanya dalam majlis perasmian program Jejak Menara Pahang yang berlangsung di Dewan Astaka UMP, Gambang.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung. Antaranya ialah taklimat kursus dan kerjaya sebagai pendedahan awal peserta sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam pada masa yang sama turut diadakan ceramah motivasi bersama Ikon Jejak Menara YADIM, iaitu personaliti artis, Fadzli (UNIC), Idzhar (NowseeHeart) dan Liea Az Zahra manakala, program pada sebelah petangnya adalah Sesi Perkongsian Pengalaman Bersama Fasilitator YADIM.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir dalam program berkata, beliau amat bangga dan bersyukur kerana UMP dapat sama berperanan sebagai rakan kongsi dalam menjayakan program anjuran pihak YADIM ini.

"Program ini dapat memberi pendedahan mengenai cabaran pengajian di menara gading dan pemilihan kampus UMP sebagai lokasi Jejak Menara kali ini merupakan satu pilihan yang tepat. Kewujudan pelbagai institusi pengajian tinggi kini menawarkan pelbagai program pengajian daripada sijil hinggalah ijazah kedoktoran perlu didedahkan untuk memberi pemahaman kepada para lepasan sekolah untuk menyambung pengajian," katanya.

Tambah beliau, walaupun teknologi

internet membolehkan para pelajar meneroka sendiri maklumat akademik secara atas talian, namun perlu diakui juga tidak semua pelajar berkeupayaan berbuat demikian, apatah lagi bagi mereka yang tinggal di pedalaman serta kekurangan pula dari segi sosioekonomi dan literasi ICT.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah, YB Dato' Syed Ibrahim Syed Ahmad. Dalam ucapannya, beliau mengharapkan para pelajar mengambil peluang dalam program ini dengan sebaik mungkin.

Beliau turut menyeru kepada semua pelajar agar bangkit untuk terus menuntut ilmu kerana dengan hanya ilmu yang dapat mengangkat martabat pelajar sekalian serta berbakti kepada ibu bapa dan negara.

Peserta program yang merupakan pelajar lepasan MRSM Tun Abdul Razak, Nurul Nur Izzatul Izzaty M Yazid, 18, berkata, program sebegini sememangnya dinantikan bagi membolehkannya mendapatkan bimbingan dan panduan untuk melanjutkan pengajian di IPT. Malah, dengan berkomunikasi secara terus dengan fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa UMP ini dapat berkongsi pengalaman hidup dan memberi pendedahan kepadanya tentang kehidupan sebagai mahasiswa suatu hari nanti.



UMP dan ECERDC anjur program *Super Camp* bantu pelajar luar bandar

Seramai 36 pelajar Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Runchang (SKRU) mengikuti program *Super Camp* anjuran bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 2 April 2014 yang lalu.

Super Camp merupakan satu program pelajar yang dikumpulkan untuk tinggal di dalam sekolah. Pelajar berpeluang menghadiri sesi persekolahan pada sebelah pagi manakala pada sebelah petangnya pula diisi dengan kelas tambahan. Lebih menarik pelajar turut mengikuti program pengurusan diri dan riadah serta aktiviti kerohanian pada malamnya.

Pengurus Kanan Pembangunan Modal Insan ECERDC, Mohd. Prasad Hanif berkata, program ini diadakan bagi mencipta satu jalinan kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa dalam usaha meningkatkan prestasi dalam kalangan pelajar sekolah yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak lama lagi.

Program yang telah diperkenalkan sejak empat tahun yang lalu ini telah membuktikan kejayaannya apabila pelajar sekolah ini berjaya mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan yang lepas dengan tiga orang pelajar mendapat keputusan cemerlang 5A.

"ECERDC telah melancarkan *Empower ECER* sejak tahun 2010 bagi membantu mengurangkan

jurang perbezaan ekonomi antara masyarakat luar bandar dan bandar di ECER. Selain daripada program latihan akademik untuk para pelajar sekolah, ECERDC juga turut menjalankan program latihan kemahiran dan keusahawanan untuk golongan ibu tunggal, belia menganggur dan individu yang kurang bernasib baik," katanya dalam program perasmian *Super Camp* di dewan sekolah SKRU.

Tambah beliau, program ini telah dijalankan dengan bantuan kepakaran pensyarah UMP yang sama-sama menyumbang tenaga dalam membantu meningkatkan motivasi pelajar dan menguasai mata pelajaran.

Manakala menurut Guru Besar SKRU, Ismail Md Yasin pula berkata, beliau amat bersyukur dan berterima kasih di atas kerjasama pihak ECER dan UMP yang telah banyak mengubah prestasi pelajar dari segi keputusan peperiksaan berbanding sebelum ini.

Katanya, dengan usaha pelbagai pihak

dan sokongan guru-guru diharapkan pihak sekolah dapat mengekalkan atau dapat meningkatkan pencapaian ke peringkat yang lebih tinggi.

Sejak diperkenalkan tiga tahun lalu, sekolah ini mencatat pencapaian yang membanggakan dari tahun ke tahun malahan, lebih membanggakan apabila pada tahun lepas sahaja SKRU ini menerima peningkatan peratusan pencapaian yang tertinggi di daerah Pekan. Secara tidak langsung ianya dapat membuktikan keupayaan pelajar luar bandar khususnya bagi masyarakat Orang Asli juga boleh berjaya dalam pelajaran.

Pada tahun ini, seramai 36 pelajar tahun 6 yang terlibat iaitu 12 pelajar lelaki dan 24 pelajar perempuan telah mula mengikuti program ini sehingga bulan September.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Haji Mastor Mad Ban yang merupakan Penolong Peribadi kepada Ahli Parlimen Pekan. Beliau mengharapkan program ini akan memberikan kesan positif kepada pelajar seterusnya dengan sokongan ibu bapa yang membenarkan anak mereka untuk tinggal di sekolah.

Bagi pelajar SKRU, Zulkarnain Abdullah, 12, berkata amat gembira apabila kedua ibu bapanya membenarkan dia tinggal di sekolah. Ianya merupakan pengalaman pertama beliau tinggal berjauhan dengan ibubapa malahan mahu membuktikan kepada ibu bapanya untuk mencapai keputusan yang cemerlang pada peperiksaan UPSR nanti.

Hadir sama dalam majlis, Penasihat Program *Empower ECER* Mahkota, Datin Fazia Ali, Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), Ali Koming dan guru-guru sekolah.



UMP dan Pahang FM dekati masyarakat di Bukit Fraser

Lebih 60 mahasiswa berserta warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Pahang turun padang dalam Program Kembara Pahang FM bersama UMP di Bukit Fraser pada 9 Mac 2014 yang lalu.

Program Kembara Pahang.Fm bersama UMP ini merupakan program kerjasama mendekati masyarakat dengan melakukan pelbagai aktiviti sepanjang berkampung di sana. Ianya merupakan program kerjasama yang keempat yang diadakan bersama Pahang.Fm dan pertama kalinya diadakan bersama pihak Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser sempena menyambut Tahun Melawat Malaysia pada tahun ini. Program dimulakan dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz As - Sayyid Faez Al-Aydrus dengan tajuk 'Aqidah Landasan Ke Syurga'.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan antaranya mini golf, memanah dan sukan rakyat. Sempena program ini juga diadakan kem motivasi untuk pelajar-pelajar sekolah, pertandingan melukis dan pelbagai lagi. Masyarakat setempat juga dihiburkan dengan persembahan Kombo RTM Pahang dengan menampilkan penyanyi Haziq dan Haiza.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP yang turut melancarkan arca tanda UMP di Bukit Fraser.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, pelaksanaan program ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam agar kewujudannya dirasai, kehadirannya dapat dilihat dan suaranya didengari masyarakat.

Program kali ini juga menasaskan empat segmen komuniti utama iaitu kanak-kanak, remaja, masyarakat dan pendidikan dengan mendukung tiga objektif utama iaitu memasyarakatkan kampus dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang memberi nilai tambah kepada komuniti, menyuburkan hubungan yang harmoni antara UMP dengan media dan masyarakat melalui perkongsian pintar dengan mempromosikan jenama UMP sebagai sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama.

Lebih menarik, program kali ini juga melibatkan tiga pelajar dari Jerman yang mengikuti program pertukaran pelajar selama

satu semester di Fakulti Teknologi. Turut hadir L. Nalini, wakil Pengurus Besar Perbadanan Bukit Fraser dan Nasrul Hakim Md Noh, Timbalan Pengarah Jabatan Penyiaran Pahang.



Karnival Keselamatan Kolej Kediaman 4 bantu mahasiswa UMP dalam aspek keselamatan

Oleh : MOHD NAJIB RAZALI



Pengurusan Kolej Kediaman (KK4) dan Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA 4) dengan kerjasama Unit Badan Beruniform Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya menganjurkan Karnival Keselamatan KK4 yang berlangsung di Astaka dan sekitar kawasan KK4 pada 23 Februari 2014 yang lalu.

Program bertujuan menyediakan pengetahuan dalam pelbagai aspek keselamatan warga universiti dan peranan Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) dan badan beruniform untuk menjadi *role model* kepada mahasiswa UMP.

Selain itu, karnival ini juga menekankan tentang kepentingan keselamatan diri sendiri dan keadaan persekitaran yang bukan hanya dikawal tatkala dalam kawasan kampus, namun ianya dapat diaplikasikan selepas tamat pengajian khususnya yang bekerja dalam sektor perindustrian.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin. Turut hadir Pengetua Kolej Kediaman 4, Mohd

Najib Razali dan Pengarah Program Karnival Keselamatan anjuran PEKA 4 2014, Elyas Shah Marekan.

Prof. Dr. Yuserrie dalam ucapannya memuji penganjuran program dan menekankan pentingnya mahasiswa yang merupakan aset negara.

"Apabila negara kehilangan aset yang penting, maka negara akan mengalami kerugian yang besar. Mahasiswa juga akan berdepan dengan situasi yang sama apabila berada dalam dunia pekerjaan yang turut memberi perhatian terhadap aspek kesihatan.

Sekiranya isu keselamatan diabaikan dan menyebabkan berlakunya kemalangan, maka syarikat perlu menanggung kerugian. Oleh sebab itu, keselamatan adalah langkah pencegahan yang amat-amat penting," katanya yang berkesempatan melawat *booth* pameran keselamatan.

Sementara itu, Mohd Najib berkata, karnival mendapat kerjasama daripada pihak Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) yang

membuka kaunter untuk program derma darah. Program mendapat sambutan apabila berjaya mengumpulkan sebanyak 150 beg darah hasil sumbangan mahasiswa kolej.

Katanya, aktiviti karnival selama dua hari turut dimeriahkan dengan program senamrobik dan slot ceramah menyelamatkan, melawan api dan pertolongan cemas. Malah, bersempena dengan karnival ini juga pihak kolej melancarkan penggunaan kad aktiviti mahasiswa KK4 yang akan merekod setiap aktiviti yang disertai mahasiswa.

Turut diadakan Ceramah Keselamatan Trafik dan Jenayah yang disampaikan ASP Abdul Samad dari Kor SUKSIS dengan memfokuskan tentang kesalahan trafik dan menasihatkan pentingnya penggunaan jejantas yang telah dibina sebagai kemudahan mahasiswa. Dalam program ini mahasiswa juga diberi pencerahan mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan Kesalahan Mahasiswa oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Mohd. Nazri Shamsudin.



Karnival Mini RTC Ubai eratkan hubungan pelajar IPT dan komuniti

Hampir 100 pelajar UMP dan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjayakan program Karnival Mini RTC di Ubai Pekan anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad) dengan kerjasama Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam usaha mendekati masyarakat sekitar Kampung Semangat, Pulau Rusa, Kampung Ubai dan Cherok Paloh pada 1 Mac 2014 yang lalu.

Program turut melibatkan pelajar Kolej Komuniti Pekan, Kolej Komuniti Kuantan dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan (POLISAS) serta mendapat sokongan daripada pihak Pejabat Kesihatan Pekan dan Angkatan Tentera Malaysia dengan pelbagai program yang dianjurkan sepanjang dua hari berlangsung di Dewan RTC Ubai ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, program dimulakan dengan acara penyerahan anak angkat melibatkan 13 keluarga dan disusuli dengan program gotong-

royong dan sukaneka bersama penduduk kampung. Seterusnya, pada sebelah malamnya diadakan ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Mahmud Mat bertajuk "Rasulullah Model Penyatuan".

"Program kali ini juga menasarkankan enam program utama berbentuk motivasi, pemeriksaan motosikal, proses penghiliran nanas, Celik IT, Program Transformasi Kedai Runcit dan program kesihatan," katanya.

"Para sukarelawan juga melibatkan pelajar Kolej Komuniti Kuantan yang menganjurkan Program Celik IT secara percuma kepada anak-anak penduduk kampung dalam mempelajari ilmu teknologi maklumat termasuk multimedia, menaip surat, penggunaan internet secara berhemah," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Tambah Dato' Dr. Yuserrie lagi, sukarelawan dari Kolej Komuniti Pekan, turut menjalankan modul pemeriksaan dan servis enjin motosikal termasuk khidmat nasihat mengenai penyelenggaraan melibatkan 60 buah motosikal.

Majlis perasmian karnival disempurnakan Yang di-Pertua Dewan

Undangan Negeri Pahang, Dato' Hj. Ishak Haji Muhammad. Hadir sama Tok Empat Ubai Mukim Pulau Rusa, Zainal Abidin Salleh.

Dato' Haji Ishak memuji inisiatif UMP dengan rakan kerjasama yang lain dalam menjayakan karnival yang bertujuan memberi kemudahan kepada orang kampung mendapatkan perkhidmatan yang disediakan secara berpusat.

Dalam menjayakan program, Pejabat Kesihatan Pekan turut turun padang menjalankan taklimat kesihatan dan pemeriksaan kesihatan bagi tekanan darah, pemeriksaan gula dan kolestrol dalam darah serta nasihat pemakanan. Selain itu, kemudahan perkhidmatan bas pemeriksaan pergigian turut disediakan pihak Angkatan Tentera Malaysia.

Sementara itu, penduduk kampung yang ditemui, Munah Ludin, 58 dari Kampung Semangat yang hadir bersama cucunya mengharapkan program sebegini dapat diteruskan dan diperluaskan di lain-lain kampung agar mereka dapat memanfaatkan masa hujung minggu untuk mendapatkan perkhidmatan secara setempat.



Mahasiswa UMP erat hubungan bersama masyarakat Pulau Tioman

Seramai 30 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab Semampai serta kumpulan penari kebudayaan UMP, Kencana Pawana berpeluang bertemu dengan masyarakat dan komuniti di Kampung Tekek, Pulau Tioman pada 27 April 2014 yang lalu.

Program Kembara Radio Pahang FM bersama UMP mendapat kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Tioman serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Tekek.

Ketibaan rombongan Kembara Pahang FM bersama UMP disambut Penghulu, Mohd. Nor Hidon dan Tok Empat Kg. Tekek, Zulkarnaini A. Hamid dengan meriah serta diiringi paluan

kompong oleh beliawanis Kampung Tekek. Hadir sama ibu dan ayah angkat bersama-sama dengan keluarga masing-masing.

Program bermula dengan Majlis Penyerahan Anak Angkat melibatkan 12 buah keluarga angkat dan pada sebelah malamnya pula, aktiviti diteruskan dengan forum agama yang berlangsung di Dataran Tioman.

Menurut Pengarah Program, Mohamad Amirul Anuar, pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), pihaknya turut mengadakan Kem Motivasi Pelajar untuk pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSAR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melibatkan seramai 78 orang pelajar sekolah.

"Mahasiswa UMP turut melakukan aktiviti mencerikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tekek dengan melukis mural di dinding sekolah bagi mewujudkan suasana ceria di sekolah serta dapat memberi semangat pada pelajar untuk belajar dengan lebih tekun," katanya.

Menurut Tok Empat Kampung Tekek, Zulkarnaini, pihaknya amat berbesar hati atas kunjungan UMP untuk bertemu dengan masyarakat di Pulau Tioman ini serta memberikan suntikan semangat untuk anak-anak di kampung ini. Pihaknya bercadang untuk mengadakan program bersama melibatkan kerjasama bersama pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk membawa pelajar ini melawat UMP bagi menikmati kehidupan kampus sebenar pada masa akan datang.

Sementara itu, salah seorang keluarga angkat yang terlibat, Sakdiah Muhammad, 52 berkata, program ini amat bermakna sekali apabila beliau berbesar hati menerima lima orang mahasiswa UMP untuk tinggal bersama-sama keluarganya.

"Sungguhpun aktiviti mereka sangat padat, namun mahasiswa ini sangat ringan tulang dan berpeluang membantu menjalankan aktiviti harian di kampung," ujarnya yang mengusahakan kedai makan di

Pulau Tioman ini.

Bagi Nur Salwa Syahirah Magista, 17 berpendapat beliau lebih mengenali UMP dengan lebih dekat dan berpeluang mengetahui teknik pembelajaran hasil perkongsian pengalaman dengan mahasiswa universiti di samping mengetahui mengenai kehidupan kampus. Beliau yang berhasrat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi mementingkan bidang kejuruteraan elektrik.

Pelbagai program menarik diadakan antaranya pertandingan terbuka larian pantai, sukaneka rakyat, pertandingan memasak, kem motivasi, pertandingan mewarna dan pelbagai aktiviti lagi dalam mempromosikan UMP kepada masyarakat luar. Program diakhiri dengan kenduri rakyat serta penyampaian hadiah bagi pemenang bagi acara yang dipertandingkan.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Shahaniza Haji Shamsuddin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita & Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang bertempat di Dataran Tioman.





Gabungan pelajar mantapkan persembahan teater 'Wali Untukku'

Persembahan pementasan gabungan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan Akademik Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam 'Teater Wali Untukku' yang berlangsung di Dewan Astaka UMP pada 20 April 2014 yang lalu sungguh mengagumkan dan meninggalkan kesan di hati penonton yang hadir.

Ianya mengisahkan kisah cinta antara insan yang berlainan agama, keturunan dan kepercayaan di antara Shirazee dan Karina selepas pemergian Qozaiha dalam hidup Shirazee sehingga menimbulkan pelbagai tragedi yang melanda kisah percintaan mereka yang terhalang itu.

Walaupun berlatarbelakangkan jurusan yang berbeza, gabungan seramai 30 pelajar ini berjaya memberikan persembahan teater dan puisi yang terbaik serta mendapat tepukan gemuruh dari penonton yang hadir menyaksikan persembahan anjuran Unit Kebudayaan UMP baru-baru ini.

Ketua Kumpulan Teater WARIS, Muhammad Aliff Adzham Anuar berkata, kumpulan teater ini ditubuhkan di bawah Sekreteriat

Kebudayaan bagi mengembangkan bakat pelajar UMP dalam bidang pementasan teater juga membantu menonjolkan lagi bakat serta kebolehan mereka dengan lebih berkesan.

"Penampilan sulung kumpulan teater ini bermula dari tahun 2011 dengan mempersembahkan Teater Rukh di Festival Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM)" kata pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ini.

Katanya, setakat ini kumpulan ini telah berjaya mementaskan beberapa persembahan termasuk Ustaz Zapin, Konspirasi Bangkit, Keroncong untuk Ana, Si Buyung dan bakal beraksi nanti adalah Ros Terakhir (Pelamin Si Buyung).

Berkongsi pengalaman dengan penulis dan penerbit program teater, Mohd Rahimi Jaafar, 32 yang mengajar di UiTM Puncak Perdana dalam bidang Pengurusan Kreatif berkata, anggota WARIS telah memberi kerjasama yang baik dalam mempromosikan kebudayaan di UMP.

Menurutnya, pelajar mendapat pendedahan lebih luas apabila terlibat dengan pementasan. Gabungan mantap ini memberi peluang untuk belajar melontarkan

suara dan meningkatkan tahap pemahaman terhadap pencahayaan, pengurusan, lakonan, pemahaman skrip, promosi dan persiapan pentas.

Tambahnya, konsep mentor mante turut diajar agar pelajar mendapat pengalaman ketika berdepan dengan situasi yang berbeza. Beliau mengharapkan penonton dapat melihat persembahan seni ini bukan sekadar berhibur malah dapat menerapkan lagi keyakinan diri dalam kalangan pelajar.

Pelajar UMP, Norasma Akina, 20 dari FKKSA yang berpeluang mengikuti teater berkata, persembahan mereka bersemangat, bertenaga dan berbakat serta penonton dapat memahami jalan cerita dengan baik. Malahan katanya, pelajar memiliki bakat yang mengagumkan dan mendapat sorakan gemuruh daripada penonton ketika mereka melakonkan sesuatu watak yang mirip pelakon terkenal.

Begitu juga dengan Nor Syuhaida Faizul, 20, pula menggambarkan persembahan teater tersebut sangat bagus dan tidak menyangka teater yang dipersembahkan mampu menyentuh hati dan memberikan kesan kepada penonton yang hadir.



Majlis meraikan sukarelawan UMP dan peserta *Teach Malaysia Teach*

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Seramai 144 peserta dan 70 fasilitator Projek Kilauan Mutiara Teach Malaysia Teach diraikan dalam majlis penghargaan yang diadakan di Dewan Kuliah 1, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan pada 20 Mac 2014 yang lalu.

Projek Kilauan Mutiara *Teach Malaysia Teach* merupakan inisiatif libatsama komuniti yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Kebajikan & Kemajuan Sosial Pulau Pinang (PKKS) dengan sokongan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) yang digerakkan oleh sukarelawan mahasiswa dari Kelab In-Smartive melibatkan tujuh buah sekolah rendah sekitar daerah Pekan sejak dua tahun lalu.

Antara sekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Ahmad, SK Seri Biram, SK Seri Terentang, SK Langgar, SK Indera Shahbandar, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pekan dan SJKC Yoke Hwa.

Dalam majlis ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyuarakan kegemilangan pihak pengurusan universiti terhadap mesej

murni yang diterapkan dalam modul-modul *Teach Malaysia Teach* terhadap kumpulan sasaran ini.

Katanya, pendidikan tidak hanya terbatas kepada aspek akademik, tetapi juga turut melibatkan kemahiran insaniah yang menjurus kepada pembentukan akhlak dan adab serta sifat kewarganegaraan tulen yang patriotik seperti yang terkandung dalam modul *Teach Malaysia Teach*.

Sementara itu, Pengerusi PKKS, Elia Mastura Kamaruddin memuji komitmen tinggi kumpulan fasilitator Kelab In-Smartive UMP dalam menjayakan program ini.

Elia turut menambah bahawa para peserta inisiatif tersebut yang terdiri daripada pelajar Tahun 4, 5 dan 6 telah turut menunjukkan transformasi sikap untuk menjadi lebih cemerlang.

Setiausaha Bahagian Latihan Kelab In-Smartive, Azmira Othman yang juga merupakan fasilitator program turut menyatakan, pihaknya telah mengendalikan beberapa siri latihan kepada para sukarelawan sebelum pelaksanaan inisiatif ini dengan bantuan PKKS, Pejabat Pendidikan Daerah Pekan

dan Persatuan Bekas Pegawai Pendidikan Malaysia (PBPPM) Cawangan Daerah Pekan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad).

Menurut pelajar Tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, usaha ini dapat memastikan keberkesanan penyampaian modul kepada para peserta. Malah, lebih membanggakan, usaha kelab ini juga dalam *Teach Malaysia Teach* turut melayakkan Kelab In-Smartive dipilih sebagai finalis Anugerah Ikon Varsity bagi kategori Projek Khidmat Sosial Dalam Negara anjuran Berita Harian pada tahun 2012.

Selain menyaksikan persembahan daripada para pelajar, dalam majlis ini Dato' Dr. Daing turut menyampaikan sijil penghargaan kepada para fasilitator Kelab In-Smartive UMP dan Anugerah Cemerlang kepada para peserta.

Hadir sama dalam majlis adalah Khairul Nizam Abdul Razak yang mewakili Pegawai Pelajaran Daerah Pekan, Haji Abdul Rahman Kemat yang mewakili Pengerusi PBPPM Cawangan Daerah Pekan, Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden In-Smartive, Asraf Ahmad.



Mahasiswa UMP meriahkan Sambutan Tahun Baharu Cina

Lebih 1,000 pengunjung pelbagai kaum membanjiri UMP kampus Gambang bagi menyaksikan pesembahan kebudayaan sempena sambutan perayaan Tahun Baharu Cina pada 22 Mac 2014 yang lalu.

Program anjuran Jawatankuasa Kebudayaan Cina, Majlis Perwakilan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni disambut meriah di Dataran Kolej Kediaman 3 ini mendapat kerjasama daripada pihak akhbar Sin Chew Daily.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fadzil Mat Yahaya yang hadir mewakili pegawai universiti berkata, program ini merupakan salah satu inisiatif yang amat penting dalam memupuk perpaduan dalam kalangan mahasiswa yang berlainan warna kulit, budaya agama dan bahasa untuk hidup bermasyarakat.

“Program ini juga memberi peluang kepada mahasiswa untuk memahami dengan lebih jelas tentang budaya kaum Cina di samping mengekalkan keamanan dan kedamaian antara kaum di negara ini,” katanya.

Tambah beliau, phak universiti sentiasa menggalakkan persatuan-persatuan pelajar agar bergiat aktif dalam menganjurkan program yang memberi impak kepada mahasiswa mahupun masyarakat luar.

Majlis ini turut dihadiri Ahli Parlimen Paya Besar, YB Dato’ Abdul Manan Ismail, penasihat program, Dr. Liu Yao dan pengerusi program, Yan Shao Qin.

Sementara itu, Dato’ Abdul Manan dalam ucapannya memuji inisiatif pelajar dalam penganjuran program sebegini yang bukan sahaja dapat menonjolkan bakat mahasiswa malah dapat menyatupadukan masyarakat

selaras dengan konsep 1Malaysia.

Beliau berharap dengan program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat tanpa mengira kaum dan bangsa.

Pelbagai persembahan menarik berjaya menarik minat pengunjung antaranya Tarian Singa, Tarian Tradisional, Okestra Cina, Wushu, Diabolo dan tarian moden, 24 Season Drum dan Flag Waving.

Bagi pelajar antarabangsa UMP yang berasal dari India, Sugandha Chahal, 28 melahirkan rasa amat gembira apabila berpeluang untuk menghadiri program sebegini. Malah, beliau kagum melihat rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dapat sama-sama hadir memeriahkan sambutan ini selain dapat menyaksikan sendiri persembahahan dan warisan budaya masyarakat Tiong Hua di Malaysia.





Konsep 1 Malaysia warnai Festival Bayu Kenyalang

Hampir 1000 pengunjung hadir memeriahkan Festival Bayu Kenyalang anjuran Sekretariat Mahasiswa Sabah Sarawak (SMASS) dengan kerjasama Unit Kebudayaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang berlangsung dalam suasana meriah di Dewan Astaka UMP Gambang pada 26 April 2014 yang lalu.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Profesor Dato' Yuserrie Zainuddin, festival yang dianjurkan pada kali kedua ini bertujuan memperkenalkan budaya etnik dan kehidupan masyarakat dari negeri Sabah dan Sarawak di samping dapat menyatupadukan warga UMP yang berbilang kaum dan bangsa.

Tambahnya, pihak pengurusan universiti sentiasa menyokong penuh aktiviti kebudayaan pelajar yang berbilang bangsa. Justeru, beliau menyeru kepada mahasiswa untuk memperbanyakkan lagi program yang dapat memberi impak terhadap melahirkan mahasiswa yang berdaya saing di peringkat global.

"Pendedahan budaya sebenarnya lebih luas, tidak kira sama ada melalui persembahan dan kebudayaan, segi bahasa, cara hidup dan juga kepelbagaian jenis makanan. Ianya secara tidak langsung dapat mempraktikkan lagi pengertian terhadap Slogan 1 Malaysia," katanya.

Beliau mengharapkan pengunjung dapat

memahami bahawa Malaysia sememangnya mempunyai berbilang kaum.

Manakala menurut Pengarah Program, Ahmad Shahrom Muhd Shah pula, beliau amat gembira dengan sambutan yang menggalakkan dalam kalangan warga UMP dan bersyukur dengan sokongan yang diberikan oleh rakan mahasiswa dalam menjayakan program ini.

Pengunjung berpeluang menyaksikan persembahan yang menarik, antaranya adalah Tarian 1 Malaysia, Mini Sketsa Puteri Santubong, Tarian Rampaian Sabah dan jemputan khas dari Sabah iaitu kumpulan Bamboo Band Lembah Bamboo Kinabalu.

Selain persembahan kebudayaan, pengunjung bertuah juga dapat membawa pulang hadiah berupa hamper.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Daing Nasir Ibrahim yang turut sama hadir merasmikan Festival Bayu Kenyalang. Hadir sama Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Pahang, Yusof Jamaludin.

Sementara itu, menurut mahasiswa Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Nur Najwa Farhana Shahadan, 21, yang berkunjung ke festival buat kali keduanya berkata, beliau tidak pernah melepaskan peluang untuk datang ke program seperti ini kerana dapat menyaksikan persembahan menarik dan

menghiburkan di samping memahami keunikan budaya masing-masing.

Tambah anak kelahiran negeri Pahang ini, selain dapat meningkatkan pengetahuan mengenai budaya masyarakat di Malaysia, program ini berjaya mengeratkan hubungan yang baik antara mahasiswa yang mempunyai latar belakang yang berbeza.





Interaksi Mahasiswa In-Smartive bersama masyarakat Kampung Jambu Lawar

Foto oleh: MOHAMAD ELIYASS JAMARUPPIN
 Berita oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Seramai 40 mahasiswa daripada Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) melibatkan seramai 145 orang pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Jambu Lawar di Machang Kelantan pada 25 Januari 2014 yang lalu.

Kem kepimpinan selama tiga hari ini merupakan inisiatif sulung Kelab In-Smartive sebagai membuka tirai tahun 2014 dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Machang dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Jambu Lawar. Lebih bermakna lagi, permukiman mahasiswa UMP di SK Jambu Lawar kali ini turut diisi dengan aktiviti melibatkan komuniti setempat.

Menurut Presiden Kelab In-Smartive yang juga mahasiswa tahun empat Fakulti Teknologi (FTek), Asraf Ahmad, 23, inisiatif ini merupakan kesinambungan kolaborasi melibatkan kelab ini dengan SK Jambu Lawar yang masuk tahun ketiga pelaksanaannya membabitkan dua siri Projek Kilauan Mutiara bersama pelajar sekolah ini sejak tahun 2012 lagi.

“Para peserta yang terdiri daripada Pengawas Sekolah, Pengawas Pusat Sumber

(PSS), Pengawas Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Pengawas Briged Bestari, Ketua Kelas dan Penolong Ketua Kelas mengikuti pelbagai modul khusus sepanjang IN-TEAM seperti “Mulanya Di Sini”, “Tak Kenal Maka Tak Cinta”, “Explorace”, “Last Man Standing”, “Muhasabah Diri” dan “Inspire”, “ katanya.

Manakala Mohd Adib Rahman Yusof, 20, mahasiswa tahun tiga Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) yang bertindak sebagai pengurus projek menjelaskan, antara aktiviti melibatkan komuniti ini termasuklah gotong-royong di penempatan warga emas Rumah Sejahtera Pondok Hidayah II dan perarakan sempena sambutan Maulidurrasul 1435 Hijrah di sekitar Kampung Jambu Lawar.

Hajah Safiah Safie, 70, yang merupakan penghuni Rumah Sejahtera Pondok Hidayah II menyambut baik kesediaan mahasiswa UMP untuk turun padang menyantuni warga pondok pengajian agama untuk warga emas tersebut melalui aktiviti gotong-royong yang dijalankan.

Sementara itu, Penyelia Rumah Sejahtera Pondok Hidayah II, Haji Ghazali Isa, 54, menyatakan bahawa pihaknya mengharapkan

kesinambungan aktiviti bersama Kelab In-Smartive pada masa hadapan.

Hadir merasmikan majlis penutup Kem IN-TEAM ialah Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Machang, Abdul Wahab Mohamed. Beliau turut menyampaikan Anugerah Peserta Terbaik (Lelaki) kepada pelajar tahun enam, Ahmad Izzad Azaman dan Anugerah Peserta Terbaik (Perempuan) kepada Nur Hasni Hussain.

Hadir sama dalam majlis ialah Guru Besar SK Jambu Lawar, Haji Mohd Yusri Yaakob; Pengerusi PIBG SK Jambu Lawar, Haji Abdullah Mohd Nor dan Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.

Terletak tujuh kilometer dari bandar Machang, SK Jambu Lawar yang dibuka sejak tahun 1935 merupakan antara beberapa sekolah di negeri Kelantan yang terpilih sebagai Sekolah Bestari Luar Bandar.

Selain sekolah ini, dua sekolah lain di negeri ini yang telah menerima manfaat hasil kolaborasi dengan Kelab In-Smartive UMP ini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Lanas dan SMK Kuala Balah yang terletak di Jajahan Jeli.



40 mahasiswa berbakti di Bukit Besi

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Kehadiran 40 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab In-Smartive bagi menjayakan Projek Kilauan Mutiara melibatkan 81 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Besi, Dungun Terengganu selama berkampung tiga hari mulai 22 Februari 2014 yang lalu memberi harapan baharu kepada para calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sekolah ini untuk turut maju berdaya saing seperti rakan-rakan mereka di bandar besar.

Inisiatif bersama UMP dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Bukit Besi ini turut mendapat sokongan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) melalui dana Empower ECER, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) serta dua anak syarikat kerajaan negeri Terengganu iaitu Pesaka Berhad dan Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Sdn. Bhd.

Menurut Pengurus Projek yang juga mahasiswi Tahun Dua di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) UMP, Siti Shafeera Kamal Azman Shah, 21, fokus utama projek ini ialah untuk memberi rangsangan prestasi akademik kepada para peserta supaya lebih yakin dan bersedia untuk menghadapi peperiksaan UPSR pada bulan September kelak dengan daya juang yang tinggi.

“Para mahasiswa UMP turut ditempatkan bersama keluarga angkat sepanjang program dan mereka didedahkan kepada pelbagai



modul interaktif seperti ‘Story Behind The Paper’, ‘Timeline’, Radio Buruk, ‘The Burj’ dan Muhasabah Diri dan turut diuji untuk mereka bentuk peralatan daripada bahan terbuang melalui modul ‘Inovasi’.

Manakala bagi mahasiswa UMP, selain berperanan sebagai fasilitator, mereka turut terlibat berpeluang bermesra dengan masyarakat setempat melalui aktiviti gotong-royong di Masjid Bukit Besi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Bukit Besi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Kepenggunaan dan Koperasi Terengganu, Roslee Daud hadir merasmikan penutupan projek mengalu-alukan inisiatif UMP ini dan berharap penganjurannya dapat diteruskan secara tahunan.



Pihaknya juga memerlukan sokongan padu ibu bapa bagi mentransformasi prestasi akademik anak mereka dan mengambil pelbagai peluang yang disediakan oleh kerajaan.

Dalam majlis ini, beliau turut menyampaikan Anugerah Peserta Terbaik kepada Muhammad Fariz Muizzudin Safinei dan Nor Fakhirah Ayob. Turut sama dalam majlis ialah Penolong Pegawai Pendidikan Dungun, Alias Sulaiman; Eksekutif Kanan ECERDC Terengganu, Khairul Rizal Kheli Huzaman; Guru Besar SK Bukit Besi, Adam Samsudin; Pengerusi PIBG SK Bukit Besi, Ahmad Bakhrir Chik; Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Asraf Ahmad.



Sekretariat mahasiswa Negeri Sembilan gigih buat persediaan bantu calon STPM

Menyedari peranan mahasiswa universiti dalam menyumbang bakti terhadap pelajar luar bandar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia pada tahun ini, Sekretariat Mahasiswa Negeri Sembilan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengikuti latihan *Training of Trainers* (TOT) di Kem Bina Negara Alor Gajah Melaka pada 16 Mac 2014 yang lalu.

Seramai 19 mahasiswa UMP menyertai program ini yang diadakan melibatkan penyertaan 20 persatuan yang mewakili mahasiswa anak Negeri Sembilan dari seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain.

Menurut Yang diPertua Sekretariat Mahasiswa Negeri Sembilan UMP, Mohd Najmi Harith, program ini dianjurkan sebagai persediaan mental dalam menggilap bakat mahasiswa ini untuk memberi motivasi dan semangat kepada kumpulan sasaran dalam program akan datang melibatkan pelajar prauniversiti yang menuntut di sekolah luar bandar.

Selain itu, program ini berjaya menyatukan hampir seluruh persatuan

dan sekretariat Mahasiswa Negeri Sembilan di bawah satu bumbung seterusnya menjayakan program latihan fasilitator yang dijalankan di Pusat Latihan Hutan Percha anjuran Majlis Mahasiswa Negeri Sembilan (MANIS) yang mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

“Program Motivasi Jil Al Qiyadi yang bakal diadakan nanti adalah salah satu usaha kami dalam memberikan dorongan untuk berjaya khususnya dalam bidang akademik dan persiapan sebelum melangkah ke menara gading.

“Program ini diibaratkan sebagai program sekolah angkat, yang mana persatuan ataupun sekretariat mahasiswa Negeri Sembilan di sesebuah universiti itu akan menjadi mentor terhadap pelajar tingkatan enam ini,” katanya.

Tambah beliau, mahasiswa akan membimbing dan memberi motivasi dan tunjuk ajar secara berterusan kepada pelajar menerusi media sosial termasuk *facebook*, *whatsApp* dan *tweeter* sebagai cara berkomunikasi.

Turut diadakan pada tahun ini adalah

program selangkah ke universiti, program motivasi dan jati diri serta program solat hajat dan doa selamat yang bakal melibatkan 27 sekolah di Negeri Sembilan. Antaranya adalah SMK Mantin, Nilai, SMK Sheikh Ahmad, Seremban, SMK Tuanku Ampuan Durah, SMK Seri Ampangan Seremban dan SMK Seri Pagi, Senawang.

Sementara itu, peserta program dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, Nurul Aimi Hazwani Mazlin, 21 berkata, peserta turut digalakkan bercakap di hadapan orang ramai bagi menambah keyakinan diri sebagai persiapan menjadi fasilitator kelak.

Begitu juga dengan pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Nur Afiqah Alias, 23 yang berharap dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari terutamanya dalam menghargai masa, mengenal pasti kelebihan dan kekurangan diri sendiri, cara menangani dan memberi kritikan serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Dalam program ini, para peserta mengikuti latihan dalam kumpulan, kuiz sejarah Malaysia, perbarisan dan program “*Night Walk with Blind Eyes*” .



Mahasiswa In-Smartive bantu pelajar minat Matematik

Berita oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Foto oleh : EZWAN SHAH MOHD NORDIN DAN SITI SHAFEERA KAMAL AZMAN SHAH

Seramai 87 orang murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Kampung Dato' Ibrahim Majid (SKDIM) Simpang Renggam Johor menghabiskan masa hujung minggu mereka bersama mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam Projek Kilauan Mutiara kelolaan Kelab In-Smartive UMP pada 15 Februari 2014 yang lalu.

Semua murid tersebut, yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada September nanti telah mengikuti pelbagai modul interaktif sepanjang projek ini, yang turut dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SKDIM dan dikendalikan oleh 40 fasilitator mahasiswa daripada Kelab In-Smartive UMP.

Menurut Pengurus Projek yang juga mahasiswa tahun tiga Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Muhammad Danial Azman, 22, fokus utama modul-modul yang digunakan ialah pembinaan keyakinan diri, semangat kerja berpasukan, keluhuran sikap dan lonjakan prestasi akademik dalam kalangan peserta.

Menurut Danial lagi, antara modul baharu yang diperkenalkan dalam siri projek kali ini ialah 'Exploremath' yang memberi tumpuan kepada pengembangan minat terhadap subjek Matematik.

Dua orang peserta yang ditemui, Iskandar

Zulkarnain Jofri dan Nur Hidayah Suhaimi, kedua-duanya 12 tahun menyatakan kegembiraan mereka kerana berpeluang mengikuti pelbagai modul menarik sepanjang projek ini berlangsung.

Bagi Iskandar yang turut terpilih sebagai Peserta Lelaki Terbaik, keupayaan kosa kata Bahasa Inggerisnya teruji melalui modul 'Chopp!!!' dan melalui modul 'The Burj', kepintarannya dan peserta lain diuji untuk mencari penyelesaian saintifik yang praktikal terhadap tugas yang diberikan oleh fasilitator.

Manakala Nur Hidayah yang turut diumumkan sebagai Peserta Perempuan Terbaik pula meminati modul 'Last Man Standing' yang menguji kemahiran pengucapan awam peserta dan 'Pulau Impian' yang mendedahkannya kepada kepentingan perancangan akademik dan kerjaya untuk kecemerlangan masa hadapan.

Sementara itu, para ibu bapa dan penjaga pula berpeluang mengikuti perkongsian ilmu dan pengalaman mengenai 'Prestasi Akademik: Peranan Ibu Bapa' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) UMP, Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin pada hari terakhir program ini.

Hadir menyempurnakan perasmian penutup projek dan menyampaikan sijil

kepada peserta ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor bagi kawasan Machap, Abd Taib Abu Bakar.

Turut hadir ialah Guru Besar SKDIM, Hajah Rogayah Abdullah, Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Asraf Ahmad.





Pemimpin pelajar dilatih untuk tingkatkan daya kepimpinan

Oleh: Abd. Rahman Ahmad



Seramai 100 orang dalam kalangan barisan kepimpinan kelab dan persatuan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFFAD) menjayakan Program Student Society Management & Team Building 2014 (SMTB'14) yang berlangsung di Hotel Seri Malaysia Mersing di Johor selama empat hari pada 16 Februari 2014 yang lalu.

Lebih meriah, peserta program berpeluang meraikan Sambutan Ulang Tahun UMP Kali ke-12 yang diadakan sempena Majlis Penutup SMTB'14 dengan gimik tayangan video ucapan yang disampaikan para peserta diiringi acara memotong kek yang disertai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Menurut Profesor Dr. Yuserrie, program SMTB'14 diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan awal kepada barisan pemimpin baharu bagi sesi ini dalam pengendalian kelab dan persatuan.

"Program ini juga dapat membina hubungan erat antara Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), barisan kepimpinan tertinggi dari kelab dan persatuan dan pusat tanggung jawab yang lain.

"Hubungan ini dilihat usaha saling lengkap melengkapi satu sama lain sebagai landasan kejayaan mahasiswa membentuk keperibadian, kecekapan dan kepimpinan pelajar bagi menganjurkan program pada masa akan datang," katanya.

Dalam program ini, para peserta berjaya menghasilkan takwim aktiviti Kelab dan Persatuan sepanjang sesi pengajian ini dan ianya merupakan rujukan dan panduan pelajar bagi merancang sesuatu aktiviti yang lebih terancang dan sistematik.

Selain itu, pelajar juga dapat dibentuk menjadi seorang pemimpin pelajar yang boleh mendokong hala tuju universiti dan akan melahirkan pelajar yang berkepimpinan, berdisiplin, kreatif, emosi dan psikologi.

Aktiviti melibatkan latihan dalam kumpulan, kerja berpasukan dan aktiviti luar dalam membentuk pelajar yang berdaya saing dan dapat mengasah bakat mereka dalam kepimpinan.



UMP hargai jasa atlet harumkan nama universiti



Lebih 200 orang atlet di kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dirai dalam Majlis Penghargaan Sukan 2013/2014 sebagai menghargai kejayaan para atlet yang menempa kejayaan dalam bidang sukan melibatkan Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013/2014, Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 dan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) 2014 anjuran Pusat Sukan UMP.

Majlis dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim bertempat di Kompleks Sukan, UMP Gambang pada 23 April 2014 yang lalu.

Profesor Dato' Dr Daing Nasir berkata, 2013 merupakan tahun yang paling cemerlang dalam pencapaian UMP di lapangan sukan. Kejayaan meraih enam pingat emas, lima pingat perak dan dua pingat gangsa berjaya menempatkan UMP pada kedudukan keenam daripada 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mengambil bahagian dalam Karnival Sukan MASUM 2013. Lebih menarik, pasukan UMP dinobatkan juara keseluruhan bagi acara Petanque.

"Kejayaan terus dicipta pada tahun ini pula apabila UMP melonjak menduduki ranking yang ketiga terbaik di kalangan 20 buah IPTA setelah merangkul empat emas, tiga perak dan dua gangsa dalam kejohanan MASUM Fasa 2 yang berlangsung baru-baru ini.

"Pihak pengurusan universiti akan terus memberikan perhatian kepada inisiatif-inisiatif untuk menambah infrastruktur baharu atau menaik taraf infrastruktur sukan sedia ada, sama ada di UMP Kampus Gambang dan di UMP Pekan," katanya yang hadir menyampaikan ucapan dan menyampaikan sijil penghargaan kepada atlet UMP.

Menurutnya, walaupun kemudahan dan infrastruktur sukan yang ada di kampus masih di peringkat asas, namun para atlet UMP tetap mampu berjuang mencipta beberapa kejayaan dan pencapaian yang membanggakan.

Bagi Dato' Dr. Daing Nasir, peranan proaktif yang dimainkan oleh Pusat Sukan yang menyelia kemajuan aktiviti sukan dan rekreasi di universiti ini khususnya dalam menyalurkan maklum balas berhubung keperluan kemudahan sukan akan sentiasa diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Pihaknya akan memberikan perhatian yang serius terhadap penyediaan kemudahan sukan dan rekreasi yang berkualiti dan mencukupi untuk dimanfaatkan oleh para mahasiswa dan warga UMP yang lain serta pembangunan sukan kerana ianya merupakan antara dimensi yang signifikan kepada usaha penjenamaan UMP.

Tambah beliau, komitmen pihak pengurusan dalam menambah dan menaik

taraf kemudahan sukan adalah untuk memenuhi hasrat murni bagi mewujudkan persekitaran dan pengalaman kampus yang kondusif dan sihat kepada warga UMP.

Dalam majlis ini juga, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) diumumkan pemenang keseluruhan bagi pertandingan Sukan Antara Fakulti 2014 (SUKFAC) apabila meraih markah keseluruhan 92 mata melalui kejayaan memperoleh lima pingat emas dalam acara bola baling (wanita), bola tampar (wanita), badminton (lelaki), ping-pong (lelaki) dan ragbi.

Bagi ketua pasukan FKM yang merupakan pengurus pasukan ragbi, Ammar A. Hamid, pihaknya sangat menghargai kemenangan kali ini. Beliau yang juga Exco Sukan UMP berharap program akan dapat meningkatkan semangat para atlet untuk terus menempa nama di peringkat yang lebih tinggi.

Sementara itu, penyumbang pingat emas bagi acara pencak silat, Muhammad Safwan Mohd. Amin dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) yang memenangi pingat emas bakal mewakili negeri Selangor dalam SUKMA berhasrat untuk meneruskan kecemerlangan dalam kejohanan akan datang.

Hadir sama dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dato' Dr. Yuserrie & dan Pemangku Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail.



UMP wakili Pahang dalam Festival Layang-Layang Sedunia

Oleh : AHMAD HILMY AGIR

Buat julung kalinya Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui dua orang staf telah mewakili negeri Pahang menyertai pertandingan Festival Layang-Layang Sedunia kali ke-19 yang berlangsung di Pasir Gudang Johor pada 23 Februari 2014 yang lalu.

Peserta dari UMP yang diwakili oleh Mohd Zainal Arifin Rahim dari Jabatan Pendaftar telah berjaya menempatkan diri antara sepuluh terbaik dengan mengalahkan 54 peserta lain. Beliau telah mempertaruhkan layang-layang yang digelar sebagai Wau Jalabudi.

Sementara seorang lagi peserta dari UMP iaitu Mohd Azemi Yunus dari Bahagian Keselamatan turut mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut dan mendapat tempat kelapan daripada 22 jenis wau yang dipertandingkan bagi kategori Pertandingan Layang-layang Malay Kite.

Manakala dua peserta lain yang turut mewakili negeri Pahang ialah Mohamad Daud Awang dan Abdul Rahman Ibrahim

daripada Persatuan Pelayang Pahang turut mengambil bahagian dalam pertandingan ini bersama-sama dengan staf UMP.

Menurut pengurus pasukan UMP ini, Ahmad Hilmy Agir, penglibatan staf UMP dalam pertandingan ini secara langsung dapat menimba pengalaman dalam sukan tradisional ini apatah lagi mereka turut berpeluang bertemu dengan tenaga pakar dan profesional dari seluruh dunia.

“Mewakili pasukan Pahang ini cukup bermakna kepada staf UMP dalam mengembangkan permainan tradisional ini ke peringkat antarabangsa malah ianya juga dapat memperkenalkan nama UMP di mata dunia.” katanya.

Selain mengetengahkan bakat pemain dalam kalangan staf, pertandingan ini dilihat memberi input positif apabila UMP dapat mengenal pasti dan mengumpulkan bakat-bakat baharu di dalam sukan tradisional ini.

Festival yang diadakan di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar dan Padang

Perbandaran Pasir Gudang, Johor ini berjaya menarik penyertaan hampir 1,000 peserta daripada 193 pasukan dari seluruh dunia.

Pelbagai kategori telah dipertandingkan pada tahun ini, antaranya adalah wau besar, *Rokkaku Challenge*, layang-layang malam dan layang-layang tiga dimensi serta kategori baharu iaitu pertandingan laman angin oleh peserta antarabangsa dan peringkat sekolah.

Sementara itu, di peringkat kebangsaan menyaksikan penyertaan membabitkan lapan negeri yang disertai dengan 90 peserta.

Sebanyak sembilan jenis wau yang dipertandingkan pada kali ini, antaranya Wau Bulan Naik Kebangsaan, Wau Kucing Naik Kebangsaan, Wau Jalabudi Naik Kebangsaan, Wau Merak Naik Kebangsaan, Wau Bulan Sobek yang bermotifkan pokok lada hitam, Wau Bulan Sobek bermotif pokok labu air, Wau Kucing Sobek bermotifkan Motif Pokok Seri Pagi, Wau Jalabudi Sobek bermotif Pokok Kangkung dan Wau Daun Secara Tradisional.

PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Profesor Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin
 Pengarah
 Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik
 Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2015



Profesor Dr. Zulkefli bin Yaacob
 Pengarah
 Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
 15 Februari hingga 30 November 2014




Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari bin Ghazali
 Dekan
 Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
 1 Februari 2014 hingga 31 Januari 2016



Ir. Dr. Haji Nik Mohd Zuki bin Nik Mohamed
 Timbalan Dekan
 (Akademik & Hal Ehwal Pembangunan Pelajar)
 Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
 18 Februari 2014 hingga 17 Februari 2016




Dr. Khairul Salleh bin Abdul Basit
 Ketua
 Pusat kesihatan pelajar
 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2015




Judul Buku : ENZYMATIC MEMBRANE REACTOR FOR FINE CHEMICAL PRODUCTION
Penulis : Mimi Sakinah Abd Munaim & Zularisam Abd Wahid
ISBN : 978-967-012-0-430
Harga : RM54.00
Muka Surat : 109

This book is meant to provide a fundamental knowledge on understanding the enzymatic membrane reactor for the use fine chemical production. In particular this book discusses the enzymatic reaction, membrane filtration property and fine chemical characterization that affect the production and separation efficiency during cyclodextrins (CDs) production.



Judul Buku : FUNDAMENTALS OF RIGID BODY DYNAMICS
Penulis : Ahmad Fakri Shaari & Anwar P.P Abd Majid
ISBN : 978-967-0691-046
Harga : RM30.00
Muka Surat : 149

The subject of Engineering Mechanics from the backbone of Mechanical Engineering, and is also a major component of other engineering disciplines. The word Mechanics implies a study of physical world, and hence the subject represents man's perception and understanding of the physical world around us. These perception and understanding are based largely on the observations and deductions encapsulated in Newton's Laws of Motion.



Judul Buku : MODUL PANDUAN PEMARKAHAN LATIHAN INDUSTRI BERSTRUKTUR UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN AWAM
Penulis : Azhani Zukri & Wafty Abdul Rahman
ISBN : 978-967-0120-997
Harga : RM30.00
Muka Surat : 80

Buku panduan ini merupakan garis panduan bagi penilaian pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang sedang menjalankan Latihan Industri Berstruktur. Buku ini menerangkan secara terperinci mengenai Modul Latihan Industri Berstruktur yang diguna pakai di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP, sejak dua tahun lalu. Latihan Industri Berstruktur ini dijalankan dengan kerjasama CIDB, di mana pelajar yang telah menamatkan latihan akan dianugerahkan sijil penyertaan oleh CIDB. Sijil ini merupakan salah satu nilai tambah kepada pelajar yang mana sebahagian besarnya akan berkhidmat dalam bidang kejuruteraan dan pembinaan. Walaubagaimanapun, panduan pemarkahan ini boleh diguna pakai oleh kursus kejuruteraan lain yang berkaitan dalam bidang pembinaan. Jenis penilaian yang diterangkan dalam buku ini adalah merangkumi penilaian semasa latihan, penilaian laporan akhir serta penilaian sesi pembentangan.

MENOLAK HADIS MENGUNDANG PENYELEWENGAN DALAM AGAMA ISLAM



Oleh: Mansor bin Sulaiman
mansor@ump.edu.my

Baru-baru ini berlaku kegemparan dalam masyarakat Malaysia berkenaan isu anti Hadis. Ia diikuti dengan pelbagai diskusi dan perbincangan berkenaan termasuk di kalangan mereka yang tidak memahami maksud Hadis itu sendiri. Secara umumnya, Hadis adalah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad, meliputi kata-kata, perbuatan dan ikrar baginda. Telah sabit dengan dalil yang qat'ie (putus) bahawa Nabi Muhammad adalah Rasulullah iaitu utusan Allah bagi menyampaikan ajaran Islam kepada manusia. Keimanan terhadap kerasulan ini menuntut ketaatan dan berpegang kepada apa yang dibawa baginda. Penolakan terhadap Hadis pula bukan sekadar memberi implikasi penolakan terhadap Nabi Muhammad tetapi juga penidakkan terhadap kandungan al-Quran itu sendiri. Ini disebabkan ia bercanggah dengan nas-nas daripada al-Quran yang menunjukkan hadis sebagai sumber rujukan kepada umat Islam, antaranya firman Allah dalam ayat 7, Surah al-Hashr yang bermaksud: "Apa yang diberikan Rasul kepada mu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah". Dalam nas yang lain, Allah menjelaskan peranan hadis sebagai penerang kepada kandungan al-Quran menerusi firman Allah dalam ayat 44, Surah al-Nahl yang bermaksud: "Dan kami turunkan kepadamu al-Quran, agar kamu menerangkan kepada umat

manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan".

Al-Qurtubi menyatakan bahawa maksud penerangan Nabi Muhammad terhadap al-Quran yang disebutkan dalam nas di atas adalah dalam dua bentuk. Pertama perincian terhadap perkara-perkara yang bersifat mujmal (ringkas) di dalam al-Quran seperti perincian hadis berkenaan perkara-perkara berkaitan hukum zakat yang tidak dijelaskan oleh al-Quran. Kedua, penerangan tentang hukum yang tidak disebutkan langsung oleh al-Quran seperti hukum pengharaman memakan daging haiwan buas bertaring yang hanya diperoleh menerusi Hadis.

Realiti juga menunjukkan telah berlaku kesepakatan di kalangan umat Islam sejak daripada zaman Nabi Muhammad sehinggalah hari ini berkenaan kewajipan mengambil hukum daripada Hadis serta keperluan menjadikannya sebagai rujukan bagi hukum-hukum syariah. Tidak ditemui pengamalan pada masa sahabat dan selepasnya yang membezakan antara hukum yang berdasarkan al-Quran dan Hadis. Bahkan terdapat banyak riwayat pada zaman awal Islam yang menunjukkan kedudukan Hadis sebagai sumber rujukan tanpa sebarang syak lagi. Antaranya kisah yang disebutkan al-Qurtubi berkenaan teguran seorang faqih bernama Abd al-Rahman Ibn Zaid terhadap seorang lelaki yang sedang berhram tetapi

memakai pakaian berjahit. Teguran beliau telah disambut oleh lelaki tersebut dengan meminta dibacakan ayat al-Quran yang menjelaskan berkenaan pakaian ihram yang sepatutnya. Lalu beliau membacakan firman Allah dalam ayat 7, Surah al-Hashr yang bermaksud: "Apa yang diberikan Rasul kepada mu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah". Nas ini dikemukakan beliau disebabkan hukum tersebut hanya boleh didapati menerusi Hadis dan bukan al-Quran.



Berdasarkan penjelasan di atas, kedudukan Hadis sebagai rujukan dalam Islam merupakan perkara yang tidak sepatutnya dipertikaikan khususnya oleh umat Islam. Penolakan terhadapnya hanyalah mengundang penyelewengan yang besar berikutan sebahagian besar hukum-hakam syariah adalah dirujuk daripadanya. Malahan sejarah menunjukkan bagaimana terselewengnya pengikut-pengikut ajaran samawi seperti Yahudi dan Nasrani lantaran penolakan terhadap kerasulan Nabi Muhammad walaupun baginda telah disebutkan di dalam kitab-kitab mereka sebagai rasul yang terakhir sepertimana firman Allah dalam ayat 146, Surah al-Baqarah yang bermaksud: "Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah Kami beri al-Kitab (Taurat dan Injil) mengenal Muhammad seperti mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. Dan sesungguhnya sebahagian di antara mereka menyembunyikan kebenaran, padahal mereka mengetahui"

Secara umumnya, Hadis adalah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad, meliputi kata-kata, perbuatan dan ikrar baginda. Telah sabit dengan dalil yang qat'ie (putus) bahawa Nabi Muhammad adalah Rasulullah iaitu utusan Allah bagi menyampaikan ajaran Islam kepada manusia. Keimanan terhadap kerasulan ini menuntut ketaatan dan berpegang kepada apa yang dibawa baginda. Penolakan terhadap Hadis pula bukan sekadar memberi implikasi penolakan terhadap Nabi Muhammad tetapi juga penidakkan terhadap kandungan al-Quran itu sendiri.



AL-BUKHARI
& MUSLIM
REFERENSI HADIS SEPANJANG MASA DAR
SAHLI HADIS PALING BERPENGAR
DALAM DUNIA ISLAM



ng beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad),
mu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang
kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (Muhammad),
kepada Allah dan hari kemudian, maka itulah yang
lebih baik akibatnya.

ISU PENCIPLAKAN DI UNIVERSITI: FENOMENA ATAU TREND?



Oleh: Nor Ashikin binti Ahmad
ashikinahmad@ump.edu.my

Isu penciplakan atau plagiarism cukup sinonim dalam kalangan kita terutama dalam bidang akademik. Sedar atau tidak, setiap hari kita sering melakukan perkara tersebut dalam kerja seharian. Paling mudah adalah kita *copy and paste* (CnP) apa-apa bahan tanpa memberikan kredit kepada penulis asal.

Definisi yang berkaitan dengan isu penciplakan:

Plagiarism – the process to taking another person’s work, ideas, or words and using them as if they were your own

Reference – a direction in a book to another passage or another book where information can be found - a book or passage referred to - the act of referring to a book or passage for information

Citation – a quotation (a book, its author, or a passage from it) as an example or a proof – mentioning as an example or illustration

(Sumber: *How to cite, reference & avoid plagiarism*, 2013)

Seseorang itu melakukan plagiarisme apabila:

1. Tiada kefahaman dengan bahasa akademik

Pelajar tidak mengetahui apakah yang dikatakan kertas akademik berbanding buku teks apabila memulakan pengajian di peringkat universiti kerana tidak didedahkan pada peringkat awal. Pada peringkat sekolah menengah, mereka tidak didedahkan dengan isu ini kerana guru-guru akan memberikan segala maklumat yang diperlukan. Mereka hanya mendapatkan sumber daripada buku teks dan rujukan sahaja tanpa perlu memberikan rujukan kepada dapatan maklumat mereka. Ini berbeza apabila mereka memasuki peringkat universiti. Kepelbagaian maklumat dan sumber diperlukan untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Ini akan membuka ruang mereka meniru atau mengambil sumber maklumat tanpa memberikan kredit kepada penulis asal.

2. Stres

Tekanan kerja dan masa yang pendek untuk menyiapkan kerja yang diberikan. Salah satu punca ini menyebabkan pelajar mengambil jalan mudah untuk meniru dan

menghasilkan tugas yang tidak berkualiti daripada sumber yang mempunyai kepakaran dalam bidang penulisan tersebut. Ramai pelajar mengambil langkah ini kerana mereka dapat memendekkan masa dalam menghasilkan tugas tanpa mengetahui langkah tersebut adalah salah dan merugikan mereka.

3. Takut dengan kegagalan

Pelajar merasakan perlu memuaskan hati semua pihak dan bagi akademik profesional pula, terdapat penekanan untuk mengekalkan penerbitan oleh pihak universiti. Bagi pelajar, mereka merasa tertekan sekiranya individu lain mempunyai harapan yang tinggi terhadap mereka. Rasa tercabar dengan rakan sebaya atau rakan sekelas juga memaksa mereka untuk mendapatkan penulisan yang terbaik tetapi dengan cara yang salah. Perasaan dibandingkan sesama pelajar boleh menjadi punca kepada masalah ini.

Bagi penyelidik pula, keperluan untuk menghasilkan hasil penerbitan yang terbaik juga turut memberikan kesan kepada mereka. Mereka merasakan sekiranya mereka tidak dapat menghasilkan kertas penyelidikan yang terbaik untuk keperluan

fakulti, mereka akan dianggap gagal. Ini yang merunsingkan mereka dan sanggup membuat penyalahgunaan sumber maklumat dalam penyelidikan mereka.

Tekanan kerja dan masa yang pendek untuk menyiapkan kerja yang diberikan. Salah satu punca ini menyebabkan pelajar mengambil jalan mudah untuk meniru dan menghasilkan tugas yang tidak berkualiti daripada sumber yang mempunyai kepakaran dalam bidang penulisan tersebut. Ramai pelajar mengambil langkah ini kerana mereka dapat memendekkan masa dalam menghasilkan tugas tanpa mengetahui langkah tersebut adalah salah dan merugikan mereka.



4. Kepantasan

Dengan menggunakan internet, semua maklumat dapat disalin dengan cepat dan penulisan dapat dihasilkan dengan cepat dan mudah. Pada masa kini, semua maklumat boleh didapati dengan mudah. Hanya taip kata kunci yang dikehendaki dan pelbagai maklumat yang berkaitan boleh dimuat turun dalam masa beberapa saat. Internet memainkan peranan penting di dalam dunia informasi pada abad ini. Walau bagaimanapun, penyalahgunaan kemudahan ini memberikan kemudaratan dalam bidang akademik. Pelbagai ahli akademik dihasilkan di alam maya kerana sesiapa boleh memuat naik hasil penulisan ke dalam alam maya ini tanpa sebarang sekatan dan penyaringan. Bagi pelajar yang mengambil mudah dengan perkara ini akan mengambil sumber tersebut tanpa melihat kepakaran penulis tersebut. Bagi mereka, asalkan tugas mereka siap itu sudah memuaskan hati mereka. Dengan bantuan *copy and paste*, ini memudahkan lagi mereka menghasilkan penulisan mereka. Hanya mengambil beberapa penulisan bagi tajuk yang dikehendaki, mereka sudah boleh menghasilkan hasil penulisan yang lain dengan mendakwa tersebut adalah karya beliau.

5. Kelemahan dalam kemahiran penyelidikan

Kebanyakan pelajar memasuki alam universiti dengan kemahiran yang sedikit mengenai pencarian dan literasi maklumat. Setiap individu yang begelar mahasiswa atau penyelidik harus mempunyai kemahiran asas dalam pencarian maklumat. Dengan kemahiran ini, mereka dapat mencari maklumat yang bersesuaian dengan kajian mereka dan tidak terbeban dengan masalah *information overload*. Kemahiran ini boleh diasah lagi pada peringkat awal supaya hasil penulisan yang dihasilkan adalah berkualiti dan mempunyai nilai akademik. Kebanyakan perpustakaan akademik ada menawarkan kelas kemahiran maklumat kepada pengguna sekiranya mereka memerlukan pandangan atau tunjuk ajar dalam pencarian maklumat oleh pustakawan yang terlatih dalam bidang tersebut.

Peranan Perpustakaan Akademik dalam menangani isu penciplakan di universiti.

Perpustakaan boleh memainkan peranannya sebagai pusat penyebaran maklumat, ilmu dan pengetahuan kepada pengguna. Salah satu inisiatif yang boleh dilakukan adalah memasukkan modul mengenai isu penciplakan di dalam Kelas Pendidikan Pengguna anjuran perpustakaan. Kelas pendidikan pengguna bertujuan mendidik pengguna dalam pencarian maklumat dalam pelbagai sumber. Walau bagaimanapun, sekiranya pengguna tidak diajar bagaimana untuk membuat rujukan atau bibliografi dalam pencarian maklumat, kelas ini tidak dapat mencapai matlamat seperti yang dikehendaki.

Pengguna haruslah memberikan rujukan kepada setiap bahan yang digunakan dalam tugas yang dilakukan. Mengikut hasil maklum balas yang dibuat selepas kelas,

sekurang-kurangnya 80 peratus pengguna mengetahui kepentingan membuat rujukan atau bibliografi kepada setiap bahan yang digunakan dalam tugas mereka. Ini menunjukkan kesan positif dan dapat meningkatkan tahap kesedaran kepada plagiarisme.

Perpustakaan UMP telah mengambil langkah dengan melanggan dua pangkalan data yang dapat membantu pengguna dalam menangani isi penciplakan ini. Perpustakaan telah melanggan dua pangkalan data iaitu alat pengesanan plagiarism (*Turn It In*) dan membuat bibliografi dan nota kaki (*EndNote*). Kedua-dua perisian ini telah digunakan dan dapat membantu para pengguna dalam mengurangkan plagiarism untuk mengekalkan integriti dalam penulisan di bidang akademik. Selain itu, kelas dan bengkel bagi memberi pendedahan kepada pengguna telah diadakan dan mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelajar dan pensyarah.

Kesimpulan

Pelajar dan ahli akademik seharusnya melihat plagiarism ini adalah sebagai satu jenayah kerana ianya melibatkan isu integriti dalam bidang penulisan terutamanya dalam bidang akademik. Dengan kemudahan internet yang membolehkan semua maklumat dapat dicari dengan pantas dan maklumat tanpa sempadan, isu penciplakan boleh menjadi isu yang besar sekiranya tidak dibendung daripada peringkat awal. Teknik pencarian yang betul dan membuat rujukan kepada bahan yang diperoleh perlu dimiliki dan diamalkan bagi setiap penulis. Setiap individu haruslah memainkan peranan masing-masing termasuklah pelajar, pensyarah, pustakawan, perpustakaan, penyelidik dan universiti agar isu penciplakan ini tidak menular dalam kalangan warga universiti.



Universiti Teknologi Pilihan Utama

Pengurusan
Teknologi

Kejuruteraan
Elektrik
& Elektronik

Kejuruteraan
Pembuatan

Kejuruteraan
Kimia
& Sumber
Asli

Teknologi
Kejuruteraan

Kejuruteraan
Awam
& Sumber
Alam

Sains
& Teknologi
Industri

Kejuruteraan
Mekanikal

Sistem
Komputer
& Kejuruteraan
Perisian

Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2020
Faks : 09 549 3199
e-Mel: pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>

www.ump.edu.my







Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2020
Faks : 09 549 3199
e-Mel : pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>